

BULAT ANAK BUAH MENJADIKAN BUAPAK BULAT BUAPAK MENJADIKAN LEMBAGA BULAT LEMBAGA MENJADIKAN PENGHULU/UNDANG

(Oleh: Haji Muhammad bin Tainu)

KATA PEPATAH ADAT:

**Tiada keruh yang tidak jernih
tiada kusut yang tidak selesai
sesat di hujung jalan,
balik ke pangkal jalan
bulat air kerana pembetong
bulat manusia kerana muafakat
bulat anak buah menjadikan buapak
bulat buapak menjadikan lembaga
bulat lembaga menjadikan Penghulu/Undang
bulat Undang menjadikan keadilan/Raja.**

Sudah sepuluh tahun lamanya kerisis pemilihan dan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong berlalu hingga kini masih belum juga bertemu penyelesaiannya?. Apakah yang wajar dilakukan sekarang?

Dari suasana yang ada hari ini dalam tempoh sepuluh tahun dan diakhir-akhir ini telah ada insan yang berfikir, pihak-pihak yang tertentu berpendapat secara negatif. Apa perlunya Undang pada Luak? Apa perlunya raja pada alam/Negeri? Pentadbiran negeri akan berjalan terus dengan stabil dan sempurna. Kemajuan ekonomi akan berjalan lancar dengan kejayaan-kejayaannya;

Perkembangan syiar Islam dan adat budaya akan berkembang dan maju dari semasa kesemasa. Undang atau raja tidak lebih daripada simbol atau lambang adat tradisi semata-mata. Kalau pendapat dan fahaman ini menular lebih jauh dan meluas lagi maka gejalanya amat buruk dan merbahaya sekali.

Berbagai ramalan boleh ditonjolkan, berbagai implikasi boleh dirasakan, berbagai tafsiran boleh diketengahkan. Kita tidak mahu fahaman dan pendapat negatif ini menebal dihati dan pemikiran orang ramai yang boleh berjangkit ke luak-luak yang lain apabila sampai masanya nanti berlaku kekosongan pesaka Undang diluak berkenaan.

Untuk mengatasi masalah ini saya berpendapat Dato'-dato Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong mestilah berfungsi, berperanan dan bertanggungjawab diatas pemilihan dan perlantikan Dato' Undang Luaknya. **Kalau dah sesat kehujung jalan, baliklah ke pangkal jalan. Tiada keruh yang tidak jernih dan tiada kusut yang tidak selesai.**

RENUNGAN

**AYAM DITAMBAT DISAMBAR HELANG,
PADI DITANAM TUMBUH LALANG.**

Bagaimana perasaan seseorang bila melihat ayam yang ditambatnya tiba-tiba disambar helang dan padi yang ditanamnya tumbuh lalang. Rangkap pertama itu ada kemungkinannya kalau rumah saudara terletak di dalam atau di pinggir hutan, burung helang memang sentiasa mengintai mangsanya seperti ayam ini.

Tetapi benih padi yang ditanam adalah sesuatu yang agak mustahil akan tumbuh lalang, tetapi orang tua-tua dulu menciptakan peribahasa ini menggambarkan bagaimana buruknya nasib yang menimpa seseorang itu.

Ertinya:

Pepatah ini menggambarkan nasib malang yang menimpa seseorang biasanya dikiaskan kepada kasih sayang antara laki-laki dan perempuan, seperti isteri yang dikasihinya dilarikan orang, gadis tunangannya di larikan oleh jejaka lain atau seumpamanya.

Ulasan:

Hal-hal yang dikaitkan dalam pepatah ini biasa terjadi di kampung-kampung di zaman dulu, iaitu sewaktu pepatah ini diciptakan, masa itu teruna dan dara yang bukan muhrim amat dilarang bertemu lebih-lebih lagi bergaul, bermain-main dan apa lagi bergurau senda. Kalau ada teruna yang sanggup melarikan anak dara orang ia dianggap sebagai "anak jantan" yang diungkapkan oleh papatahnya "hati berani senjata tajam" ertinya ilmu penuh berisi di dada yang biasanya ilmu dunia.

Lain sekali keadaan sekarang, pergaulan begitu bebas, bertemu, bermain, bergurau senda dan lain-lain sudah menjadi perkara biasa terutama dalam bandar-bandar kerana itu tidak hairan kalau berlaku berbagai-bagai hal yang di luar adat kesopanan dan budaya bangsa Melayu. Semuanya ini berlaku kerana perubahan sosio-budaya dan alam sekitar serta hembusan angin barat yang telah melanda negara-negara timur ini begitu hebat.

A. Samad Idris.

Buat baik berpada-pada h. 142

PENYELIDIKAN BUDAYA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Berfungsi dengan
tiga objektif
yang penting

1. Koleksi
2. Dokumentasi
3. Penyelidikan/Penerbitan

BUDAYA NEGERI

PENASIHAT

Tan Sri Dato' A. Samad Idris

REDAKSI

**Norhalim Hj. Ibrahim
Hj. Muhammad Tainu
Zaini A. Hamid**

ALAMAT

**Tingkat 1 (Bawah)
Bangunan Lama
Pejabat SUK N. Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70000 Seremban
Tel: 06-735401**

dari m.s. 1

Selaras dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959. Bab 5. Fasal 14(1) Pilihan Undang Yang Empat dan Tengku Besar Tampin, Berbunyi:

..... Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelevu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau hendaklah orang-orang yang dipilih dengan sahnya menurut adat Luak mereka masing-masing".

Mengikut Trombo Sungai Ujong - kerana tiada trombo yang lain yang lebih lengkap boleh didapati maka bolehlah merujuk kepada trombo yang ada itu - dalam fasal yang ke 27. Bila difaham atau ditafsirkan maksudnya begini:

Per: 1. Seseorang Undang yang mati hendaklah Undang yang menanamkan, ertinya Undang yang baru dilantik akan menguruskan pengkebumian jenazah Undang yang mati.

Per. 2. Sebelum dilantik undang yang baru Dato' Lembaga Tiang Balai adalah memangku kuasa Undang.

Dato' Andelika Mendelika mengumumkan kepada Lembaga-lembaga dan Dato'-dato' Adat serta berbicara memilih waris pengganti. Maka dimintakuasa waris (yang bersaka) dua perut iaitu perut Hulu dan Perut Hilir. Siapa waris yang berhak jadi Undang dan mengangkat jenazah untuk dimakamkan. " Adat bertanam Undang dengan Undang menanamkan ".

Per. 3. Bila dah cukup tempohnya tiada dapat kebulatan mencari ganti daripada perut Hulu atau Perut Hilir maka berkuasalah keempat lembaga (Tiang Balai) mencabut (melantik) salah seorang dalam waris yang berhak mengikut gilirannya diangkat menjadi Dato' Kelana Putera Undang Luak Sungai Ujong.

Per: 4. Aturan Waris Pemilih: Seorang daripada waris yang berpesaka Perut Hulu dan Hilir (2) dan seorang waris yang tua umur dan berpengalaman dalam adat. Ketiga-tiga ini berbulat muafakat dengan sekalian waris-warisan dan jika tiada sekutu sekalian waris-warisan maka berkuasalah waris yang ketiga-tiga itu menetapkan pilihan. Setelah tetap pilihan ketiga orang waris itu maka dinyatakan kepada Dato' Johan dan Dato' Maharaja Lela. Maka dibawa kepada Lembaga yang empat (Tiang Balai) oleh

kedua-dua Dato' itu serta waris yang bertiga. Maka lembaga yang empat menaikkan waris yang terpilih itu keatas usungan jenazah Undang, lalu dimakamkan.

Kemudian setelah selesai maka Dato'-dato Lembaga pun menyembah beserta dengan waris-warisan, dato'-dato', juak-juak dan pegawai negeri.

Lantikan secara seponatan seperti yang dilakukan zaman dahulu kala adalah suatu perkara mustahil dapat dilakukan zaman kemajuan atau moden ini. Lebih-lebih lagi Jawatan itu adalah tertinggi dalam adat di dalam luak. Mempunyai pengaruh dan pendapatan yang lumayan. Tidak dapat dielakkan dari perebutan dari semua pihak. Malah yang tidak berhak juga ingin memohon dan menuntut sama dengan mengusahakan berbagai bicara dan ikhtiar.

Dengan tiada ketegasan daripada Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai, tanpa keadilan, mudah dipengaruhi tiada permuafakatan antara anak-anak buah adalah menjadi fakta besar yang menyebabkan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong berlarutan hingga hari ini tidak dapat diselesaikan.

Kata-kata adat (Peraturan) seperti yang ditulis pada awal rencana ini sudah menjadi sebaliknya,

Keruh susah hendak dijernihkan
Kusut susah hendak diselesaikan
Sesat dihujung jalan tidak mahu balik ke pangkal jalan
Air tidak bulat lagi kerana pembetong sudah pecah
Manusia ta' bersatu lagi kerana tidak mahu muafakat
Anak buah tidak bulat lagi
Untuk menjadikan buapak
Buapak berpecah untuk melantik Lembaga
Lembaga hilang kuasa
Untuk melantik Undang/Penghulu.

Adat ada berkata " Hak orang jangan diambil hak kita jangan diagihkan". Tetapi kini manusia suka sangat hendak mengambil hak orang lain; walau dengan cara apa jua pun. Yang tidak berhak pun mengaku berhak dan membuat tuntutan.

" Hak kita jangan diagihkan ". Ini pula Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong, kerana tidak bermuafakat, tidak dapat membulatkan untuk digolekkan, tidak dapat memipihkan untuk dilayangkan, maka hak mereka untuk melantik Undang diagihkan pula kepada kuasa lain. Dalam pada itu pihak yang berkuasa pula sebagai tunggak mercu keadilan menempuh jalan buntu untuk mendapatkan kata sepakat;

Bulat air melalui pembetong
Bulat manusia melalui muafakat
Kok bulat boleh di golekkan
Kok pipeh boleh dilayangkan.

Dengan itu tertangguhlah ia hingga sekarang. Sampai bila, Tuhan sahaja yang mengetahuinya.

lihat m.s.4

Dalam tempoh sepuluh tahun itu beberapa peristiwa telah berlaku.

1. Mula-mula sekali pihak Lembaga Tiang Balai telah mengisytiharkan Raja A. Rahim menjadi Undang Luak Sungai Ujong. Tapi ada pihak yang tidak mengakui. Lucut begitu sahaja, Lembaga Tiang Balai tidak bermaya mempertahankannya.
2. Kemudian ada waris yang mengakui dirinya berhak untuk menjadi Undang, terus mencebahi dan mendiami Balai Undang dan duduk di situ beberapa hari sehingga dipaksa keluar oleh Kerajaan Negeri.
3. Selepas itu beberapa kali Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan hendak mengisytiharkan perlantikan Undan Luak yang baru di balai Undang Luak Sg. Ujong. Persiapan telah dibuat, tetamu telah diundang, calon-calon telah dijemput, tiba-tiba ditangguhkan. Gagal lagi. Kalau Dewan Keadilan dan Undang Negeri, yang ahli-ahlinya terdiri daripada Paduka Seri Yang diPertuan Besar. (Pengerusi) Undang-Undang Luak Jelebu. Johol, Rembau, Tunku Besar Tampin, Dato' Shahbandar Sg. Ujong dan YAB. Menteri Besar, gagal membuat keputusan. Bulat tak dapat digolekkan, pipeh tak dapat dilayangkan, maka tidak hairanlah kita Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai lebih banyak lagi kelemahannya.
4. Baru-baru ini ada pula Dato' Lembaga daripada pihak waris diair mengisytiharkan dirinya sendiri di dalam akhbar sebagai Undang Luak Sungai Ujong yang baru. Kemudian dicanggah oleh Menteri Besar Negeri Sembilan. Senyap hingga ke hari ini.

Entah siapa pula insan yang akan tampil atau menonjolkan dirinya sebagai Undang Luak Sungai Ujong pada masa depan. Tiada siapa yang tahu Tapi, macam-macam perkara boleh berlaku

Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai (4 orang) dan Tua Waris Perut Hulu dan Perut Hilir sekarang ini membisu seribu bahasa. Ibarat kucing dah hilang kuku dan harimau dah hilang taring. Mungkin tidak pernah berusaha secara bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan permasalahan yang ada, dihadapan mereka yang menjadi peranan dan tanggungjawab mereka sendiri.

Kenapa mereka seramai 6 orang ini tidak mahu berfikir, berbincang, bermuafakat secara bersungguh-sungguh, mencari kata sepakat bagi menyelesaikan permasalahan besar

yang berlaku diluak mereka. Sehingga dapat yang bulat boleh digolekkan dan pipeh boleh dilayangkan. Apakah mereka tidak yakin kepada diri sendiri/ atau apakah Dato'-dato' Lembaga berkenaan telah melakukan beberapa kesilapan sehingga tidak sanggup lagi menegakkan kebenaran dan membuat keputusan yang jitu.

Dato' Andelika Mendelika, Dato' Seri Maharaja Diraja, Dato' Akhir Zaman Rantau, Dato' Dagang Paroi atau Dato' Muda Labu (Lembaga Tiang Balai). Dato Maharaja Lela Tua Waris Perut Hilir dan Dato' Johan Tua Waris Perut Hulu (Waris didarat) ke atas bahu dan ke puncak kepala mereka inilah terletaknya kekuasaan untuk melantik Undang Luak Sungai Ujong ini tetapi malangnya diantara mereka ada yang meragui diatas kedudukan sebenar jawatan pesaka yang mereka sandang kerana sering berlaku pemecatan diantara mereka.

Rakyat khususnya penduduk Luak Sungai Ujong sentiasa tertunggu-tunggu diatas perlantikan dan pengisytiharan Dato' Undang Luak Sungai Ujong yang baru. Atau tertanyanya sesama sendiri apakah akan wujud Dato' Kelana yang baru atau dibiarkan kosong buat selama-lamanya. Wallahualam.

KATA-KATA ADAT

Kok mendapek samo belabo
kok hilang samo marugi
mengukua samo panjang
membilai samo laweh
beragih samo banyak
menimbang samo barek
gadang kayu gadang bahan
ketek kayu ketek bahan
nan ado samo dimakan
nan indak samo dicari
hati gajah samo dilapah
hati kuman samo dicicah.

Sesakit sesananag
sehino semalu
seraso separeso
seadat selimbago
seanak sekemanakan
sebarek seringan
seado setidak
kebukit samo didaki
kelurah samo dituruni
tertungkuik sama makan tanah
tertilantang samo minum ambun

LAHIRNYA NAMA NEGERI SEMBILAN DAN LAMBAANGNYA

(Oleh: Tan Sri A. Samad Idris)

Sepanjang ingatan saya, belum ada lagi tokoh-tokoh sejarah yang membuat pengkajian khusus dari mana asal usul nama-nama negeri-negeri tertentu di Tanah Melayu ini khasnya dan Malaysia amnya, meskipun beberapa buah negeri seperti Melaka, Singapura, Pulau Pinang dan lain-lain telah diketahui asal usulnya. Begitu juga nama-nama tempat, bandar, daerah dan sebagainya masih banyak lagi belum diketahui dari mana asal namanya diambil. Apakah pada anggapan kita soal asal usul nama seperti ini tidak penting diketahui umum? Tentulah tidak, tetapi kenapa demikian adanya.

Di sini saya cuba membuat satu tinjauan dan penilaian mengenai nama 'Negeri Sembilan'. Bagaimanapun saya tidaklah mahu mengakui bahawa apa yang saya tuliskan ini sebagai betul ataupun menepati apa yang sebenarnya. Tetapi sebaliknya pula jika belum ada ahli-ahli sejarah yang boleh memberikan satu dalil atau kenyataan yang dapat dipertanggungjawabkan maka boleh saya andaikan apa yang saya tuliskan di sini dapat diterima, sekurang-kurangnya boleh dijadikan satu panduan untuk membuat penyelidikan yang lebih mendalam lagi oleh tokoh-tokoh sejarah yang akan datang.

Hari ini kita masih lagi teraba-raba untuk mengumpulkan kepingan-kepingan sejarah yang berselerak dan diselubungi oleh kesamaran sumber-sumber yang boleh dijadikan rujukan. Meskipun telah ada pegawai-pegawai British membuat penyelidikan dan kajian serta penulisan mengenai sejarah negara kita ini, tetapi ia belum dapat dibanggakan. Ada sebahagiannya memang menepati fakta sebenarnya, namun ada yang kedapatan masih diragukan kebenarannya.

Bagaimanapun kalau tidak ada buku-buku yang ditulis oleh pegawai-pegawai yang tersebut kita akan lebih teraba-raba untuk mencari fakta-fakta penulisan sejarah bangsa ini. Kita seharusnya berterima kasih kepada mereka yang telah mengambil perhatian dan berhasil mengumpulkannya.

FAKTA:

Kurang tepatnya fakta yang ditulis itu boleh dikatakan kesilapan bukannya kelalaian yang disengajakan. Lebih-lebih lagi dapat kita andaikan bahawa orang-orang yang bertanggungjawab melalaikan kesan-kesan sejarah negara kita adalah terdiri dari orang-orang tua kita yang telah dewasa sejak sebelum perang dulu lagi, iaitu pangkat nenek kepada kita sekarang.

Mereka ini boleh dikatakan sebahagian darinya terlibat dalam peperangan yang berlaku menentang British dulu iaitu sekitar penghujung abad ke-19. Ada juga di antara mereka yang melibatkan diri dalam pentadbiran serta menjadi orang-orang besar di Luak-luak di Negeri Sembilan.

Peristiwa penentangan terhadap British di Negeri Sembilan pula berlaku dalam TM 1874 apabila Yam Tuan Antah dialahkan oleh British dalam pertempuran di Bukit Putus iaitu kira-kira 100 tahun saja berlalu. Kalau sebelum perang mungkin mereka masih dapat mengingat dengan baik, kerana belumlah terlalu tua waktu itu.

Seperti yang tercatat dalam sejarah Melayu bahawa sebelum Negeri Sembilan mempunyai raja yang pertama iaitu Raja Melewar pada tahun 1773, Negeri Sembilan adalah di bawah pemerintahan Johor, atau dapat dikatakan sebahagian daripada negeri Johor. Sebelum munculnya Johor memang Negeri Sembilan merupakan sebahagian dari daerah Kerajaan Melayu Melaka yang masyhur dan terkuat di rantau ini sekitar abad ke 15 dan 16.

Tetapi apakala Melaka dialahkan oleh Portugis dalam tahun 1511, maka pusat pemerintahan Kerajaan Negeri Melayu bertapak pula di Johor. Maka dengan sendirinya Negeri Sembilan yang mengandungi luak atau daerah tertentu tertakluk di bawah pemerintahan beraja di Johor. Luak-luaknya pula ditadbirkan oleh Penghulu Luak serta dibantu oleh Datuk-Datuk Lembaga yang mengetuai suku atau waris dan buapak yang mengetuai anak-anak buah atau rakyat terbanyak.

CAP MOHOR

Kekuasaan pemerintahan Johor ke atas Negeri Sembilan dapat dibuktikan dengan adanya cap mohor yang diberikan oleh Sultan Johor kepada penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan. Cap mohor ini dikurniakan menandakan 'kuasa mutlak Sultan' kepada Penghulu-Penghulu Luak berkenaan. Dengan perhubungan yang sukar di waktu itu pastilah pemerintahan Sultan Johor ke atas wilayahnya agak longgar.

Masa berlalu musim beredar, maka suasana politik dalam satu-satu pemerintahan itu ikut juga bergolak. Negeri Johor atau Kerajaan Melayu Johor yang mengukuhkan kerajaannya dengan sokongan Belanda sejak mereka bersekutu mengalahkan Portugis di Melaka dalam tahun 1641 menerima ancaman pula dari orang-orang Bugis dan Aceh yang sering mengganggu wilayah-wilayahnya.

lihat m.s.6

Dalam keadaan demikian Sultan Johor tidak berupaya mentadbirkan Negeri Sembilan secara lebih berkesan. Negeri Sembilan adalah salah satu dari wilayah Johor yang diganggu oleh orang-orang Bugis yang diketuai oleh Daing Kemboja bercita-cita mahu merajai Negeri Sembilan. Malah ada diceritakan bagaimana anak gadis Penghulu Rembau (Undang Luak Rembau) dilarikan oleh orang-orang Bugis yang menyebabkan ketegangan hubungan Penghulu Rembau dengan orang-orang Bugis.

Apatah lagi disebabkan orang-orang Negeri Sembilan adalah keturunan dari Minangkabau, maka sudah tentulah mereka tidak rela menerima Daing Kemboja dari Bugis menjadi raja mereka. Ketegangan yang timbul antara orang-orang Minangkabau dan orang-orang Bugis ini tidaklah mencetuskan peperangan besar yang mengorbankan banyak jiwa. Ketegangan berkenaan tidaklah berlarutan hingga menjadi kacau-bilau di seluruh wilayah.

Disebabkan keadaan huru-hara berlaku di Negeri Sembilan waktu itu, maka bermuafakatlah Datuk-Datuk Penghulu Luak di Negeri Sembilan mengadap Sultan Johor untuk meminta izin bagi mendapatkan seorang putera raja dari Minangkabau atau Pagar Ruyung bagi dirajakan di Negeri Sembilan. Permintaan ini telah diperkenankan oleh Sultan Johor kerana baginda sendiri tidak berupaya menghadapi ancaman musuh yang bertubi-tubi ini.

Dengan restu dari Sultan Johor maka pembesar-pembesar Negeri Sembilan pun menjemput seorang putera raja di Minangkabau untuk dijadikan raja memerintah wilayah-wilayah mereka. Dipendekkan ceritanya maka Raja Pagar Ruyung pun menghantar Raja Melewar atau nama sebenarnya Raja Mahmud untuk dirajakan. (Melewar atau dilewarkan dalam bahasa daerah Minangkabau bererti 'digelarkan', 'diumumkan' atau 'dihebahkan')

RAJA MELEWAR

Raja Melewar telah mengadap Sultan Johor sebelum berangkat ke Negeri Sembilan untuk mendapatkan kuasa bagi mentadbirkan negeri yang baru baginya. Baginda ditabalkan oleh Datuk-datuk Penghulu Luak di Penajis Rembau dan membuat Istana di sebuah kampung yang berhampiran hingga sekarang dikenal dengan 'Istana Raja' sebelum Baginda berpindah ke Seri Menanti tempat bersemayam Raja-Raja Negeri Sembilan sekarang.

Setelah pertabalan ini dilakukan serta didaulatkan oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak ini, maka di sinilah Raja Melewar bertitah lebih kurang antara lain demikian bunyinya:

"Orang-orang kaya beta sekalian, pada hari ini mustaedlah sudah istiadat menabalkan beta menjadi raja di negeri yang bertuah ini, beta sangat-sangat berbesar hati di atas persetujuan dan kebulatan orang-orang kaya sekalian menjemput beta dari Pagar Ruyung untuk merajai di negeri baru ini.

Sekarang beta ingin bertanya dengan orang-orang kaya sekalian: Sebagaimana kebiasaannya sesuatu perkara yang dilahirkan mestilah diberi nama, apakah nama negeri baru yang beta dirajakan ini?"

Datuk Penghulu dan orang-orang besar yang hadir pandang memandang di antara satu dengan lain kerana pertanyaan Raja Melewar itu adalah amat tepat dan semestinya diberikan jawapan.

Sebelum Datuk-Datuk Penghulu ini memberikan jawapan Raja Melewar melanjutkan pertanyaan dengan bertitah.

"Beta ingin bertanya, berapa orangkah Datuk-Datuk Penghulu yang menabalkan beta pada hari ini?"

Datuk Kelana sebagai penghulu yang kanan berdatang sembah:

"Ampun Tuanku, Datuk-Datuk Penghulu yang menabalkan Tuanku hari ini adalah seramai sembilan orang yang datang dari sembilan Luak".

Raja Melewar seterusnya bertitah lagi:

"Apakah Luak di sini sama tarafnya seperti Luak di Minangkabau?" titah Raja Melewar, "merupakan satu kawasan yang agak luas di bawahnya mengandungi negeri-negeri.

Seorang Datuk Penghulu berdatang sembah, "Ampun Tuanku, di sinilah ada Luak yang besar dan banyak luak yang kecil-kecil seperti luak-luak Teraci, Inas, Gunung Pasir dan lain-lain.

Raja Melewar mendengar sembah dari Datuk-Datuk Penghulu yang hadir, satu fikiran untuk merajai Negeri Sembilan.

Setelah Raja Melewar mendengar sembah dari Datuk-Datuk Penghulu yang hadir, satu fikiran terlintas di kepalanya lalu bertitah:

"Orang-orang kaya sekalian, pada fikiran beta berkait dengan nama baru negeri kita ini, apa kata kalau beta namakan ia 'Negeri Sembilan' semp ena dengan percantuman sembilan Penghulu Luak atau negeri yang menabalkan beta pada hari ini".

Cadangan yang dikemukakan oleh Raja Melewar ini diterima baik dan disokong sepenuhnya oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak yang hadir. Maka dengan itu rasmlah nama negeri baru itu dengan nama 'Negeri Sembilan' yang telah kita warisi bersama sekarang ini, malangnya kita tidak dapat tarikh dan bulan yang tepat hari pertabalan Raja Melewar di Kampung Penajis ini, tetapi tahunnya tetaplah pada TM 1773 itu.

Sebelum saya berani mencatatkan dalam buku kecil ini, saya telah bertukar-tukar fikiran dengan beberapa orang tokoh-tokoh sejarah, orang-orang tua di Negeri Sembilan di samping beberapa orang Datuk-Datuk Lembaga.

Bagaimanapun kalau sekiranya belum ada mana-mana pihak yang dapat memberikan gambaran yang lebih tepat dan jelas berhubung dengan nama 'Negeri Sembilan' ini mengikut fakta sejarah dengan dalil dan bukti yang konkrit maka saya berpegang teguh kepada hujah dan teori ini bahawa, nama 'Negeri Sembilan' itu pastilah diisytiharkan oleh Raja Melewar ketika baginda ditabalkan menjadi raja di Penajis, Rembau pada tahun 1773 itu.

LAMBANG NEGERI SEMBILAN

Lambang Negeri Sembilan seperti yang kita lihat hari ini berlambangkan tiga warna yang melambangkan bendera negeri. Ada sembilan tangkai padi dan di atasnya ada pedang bersilang dengan tombak terhunus di tengah-tengah.

Seperti kedudukan nama negeri dan bendera negeri begitu juga lambang. Siapakah yang mencipta, melukis dan mengilhamkan lambang ini seperti yang kita lihat sekarang?

Lambang atau disebutkan juga 'jata negeri' sekarang ini telah diisytiharkan dalam tahun 1930an. Ia diilham ciptakan oleh seorang guru bernama Mohd. Zain bin Jadok, seorang pencinta sejarah, kelahiran Kampung Sri Menanti.

Pelukisnya juga seorang guru bernama Ahmad bin Mohd. Nor, ia seorang pelukis dan beliaulah yang melukisnya atas pandangan dan ilham yang diberikan oleh Cikgu Mohd. Zain ini.

Ia dibuat berbentuk perisai dan dalam perisai itu diikat sembilan tangkai padi yang merupakan ilham gambaran dari nama Negeri Sembilan itu sendiri. Manakala padi pula merupakan makanan dan hasil utama rakyat di kampung selain daripada getah.

Manakala di atasnya pula merupakan pedang dan sarungnya, di tengah-tengahnya merupakan tombak yang dipanggil 'Canggai Puteri' dan kemudiannya 'Canggai Puteri' itu merupakan lambang peribadi Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan.

Sebelum itu Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan tidak ada mempunyai lambang atau bendera peribadinya sendiri. Ketika itu ia memakai bendera Negeri Sembilan sendiri.

Saya masih ingat selepas perang kira-kira tahun 1946, Tuanku Abdul Rahman telah menitahkan Dato' Bentara Dalam Idris supaya mencari seorang pelukis supaya melukis 'Canggai Puteri' itu menjadi lambang bendera peribadinya.

Dato' Bentara Dalam Idris telah meminta seorang guru di Seri Menanti bernama Abdullah bin Yunus melukiskan beberapa contoh dan akhirnya 'Canggai Puteri' yang terletak di atas lambang negeri itu diterimanya sebagai lambang dan bendera peribadi. Ia kekal sehingga sekarang.

SEMINAR SEJARAH ADAT DALAM PEMBANGUNAN

Seminar Sejarah Adat Dalam Pembangunan peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan telah diadakan di Allson Klana Resort, Seremban pada 21 September 1993.

YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, merangkap yang DiPertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan telah merasmikan seminar itu.

Sebanyak Tiga Kertaskerja telah dibentang dan di bincangkan dalam seminar:

- | | |
|---------------|---|
| Kertaskerja 1 | : Sejarah dan Adat Merentas Zaman oleh Tan Sri A. Samad Idris |
| Kertaskerja 2 | : Pelaksanaan Peraturan Adat Dalam Sistem Pentadbiran Tanah oleh Prof. Madya Dr. Nadzan Haron dari UKM Bangi. |
| Kertaskerja 3 | : Adat Negeri Sembilan Melalui Masa oleh Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim, dari UPM, Serdang. |

Seramai 200 orang terdiri daripada Pengetua-pengetua sekolah-sekolah Menengah di Negeri Sembilan, guru-guru Sejarah di sekolah-sekolah Menengah, Pegawai-Pegawai dari Pejabat Tanah Daerah-daerah, peminat adat dan budaya telah menyertai seminar tersebut.

SEJARAH JELEBU

Sungai Teriang dan Kuala Dulang

(Oleh: Dharmala NS)

SUMBER LISAN

PERINGKAT awal penerokaan luak Jelevu ianya dikenali dengan nama Sungai Lumut. Peneroka-peneroka yang membuat penempatan di antara Genting Langkap hingga ke hulu mendapati sungai tersebut banyak ditumbuhi lumut, yang dipercayai bahawa sungai berkenaan adalah Sungai Jelevu sekarang ini.

Luak Jelevu mengikut sumber sejarah lisan memang mempunyai unsur-unsur mitos. Bagaimanapun unsur-unsur mitos ini tidaklah boleh diketepikan sebagai asas sejarah yang boleh dijadikan titik tolak untuk mendapatkan fakta-fakta kajian. Catatan yang direka menggunakan akal semata-mata akan memesongkan fakta sebenar, sekiranya tidak disokong oleh bukti-bukti yang menyakinkan.

Orientalis barat seperti Newbold, Winstedt, R.J. Wilkinson telah banyak memberi sumbangan dalam membuat kajian awal mengenai sejarah luak Jelevu ini. Pegawai British yang pertama di Jelevu Encik Queritz dalam diariinya, dan Encik O'Brien's dalam notanya 'Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society' menyebut bahawa nama JELEBU adalah sempena nama seorang ketua kaum yang mati lemas di Sungai Teriang.

Dari fakta geografi jelas menunjukkan Sungai Teriang adalah sungai utama di Jelevu yang mengalir masuk ke Sungai Pahang. Cabang sungai-sungai yang lain pula mengalir masuk ke Sungai Teriang ini. Oleh itu setiap perkembangan sejarah Jelevu tidak boleh menafikan peranan Sungai Teriang sebagai laluan peneroka-peneroka di masa lampau.

Orang-orang Jakun, Semang dan Sakai menjadi peneroka terawal di luak yang dikenali dengan nama Sungai Lumut ini. Sumber lisan orang tua-tua menyebut nama Sungai Lumut ditukar kepada Jelevu berikutan sekumpulan orang biduanda dari Sungai Ujong di Batang Labu (Sungai Labu) berpindah ke kawasan itu dengan membawa benih labu.

NAMA JELEBU

Disebabkan labu tersebut hidup subur mereka namakan tempat yang diteroka itu 'Jalar Labu', kemudiannya beransur-ansur bertukar kepada 'Jelevu'. Dalam sumber Encik O'Brien's yang dicatatkan melalui 'Journal Royal Asiatic Society' (Disember 1884) menyebut: Dalam masa To' Moyang Salleh nama Jelevu masih belum diketahui, dan sehinggalah beberapa tahun kemudian negeri itu dinamakan Jelevu sempena nama seorang lelaki yang mati lemas dalam Sungai Teriang'.

Seperti dijelaskan oleh seorang peminat sejarah tempatan Raja Sirajuddin (abang ipar kepada Undang Luak Jelevu, Datuk Musa Wahab), nama Sungai Lumut itu hanya disebut oleh Moyang Salleh ketika mengadap ke istana Johor. Beliau memberitahu kedatangannya dari 'Sungai Lumut' hanya sebagai sifat merendah diri sahaja, tetapi yang dimaksudkannya 'Sungai Lumut' itu adalah luak Jelevu.

Tetapi apapun alasannya nama Jelevu adalah diambil sempena nama seseorang tokoh. Sekalipun wujud sebatang sungai dinamakan Sungai Jelevu dan kualanya dikenali Kuala Jelevu, tidak ada satu fakta yang dapat menolak nama JELEBU diambil sempena nama seseorang tokoh seperti dicatatkan oleh O'Brien's sejak tahun 1884 lagi.

Sesuai dengan sumber lisan yang lain menyebut peneroka asal orang-orang Jakun berladang di sekitar Sungai Teriang. Ketuanya bernama Jelbu, telah mati lemas ketika mandi di Sungai Teriang selepas bekerja seharian dikebunnya. Mayat Jelbu tidak ditemui selepas dihanyutkan oleh arus sungai. Sempena nama ketua orang Jakun inilah tempat yang diterokai itu dinamakan 'Jelbu' dan kemudiannya beransur-ansur disebut 'Jelevu'.

Sungai Jelevu yang wujud sekarang sudah tentulah dinamakan selepas peristiwa Jelbu hanyut di sungai, selaras dengan permulaan sejarah Jelevu moden adalah di sekitar Kampung Dulang sekarang yang meliputi mukim Hulu Jelevu.

Unsur-unsur mitos memang terdapat dalam mana-mana sumber lisan sejarah dunia, seperti kisah 'Rumolo dan Remus' bayi di susu beruang sebagai mengambil sempena nama 'Rome' di Itali. Dalam sumber lisan di Jelevu dicatatkan mengenai sejarah asal luak ini seperti berikut:

" Mengikut cerita mulut adalah asal-usul orang membuka negeri itu di Kuala Dulang. Tatkala sampai ke situ dua orang hamba Allah, seorang Pawang Besar dari Pahang dan seorang lagi Tukang Tilik yang bijaksana dari Pagar Ruyung bertemu satu rumpun buluh yang tebal.

Maka kata Si Pawang, "Cubalah kita siasat akan halnya apa yang ada di dalam rumpun buluh ini". Maka apabila ditebas tebang didapati oleh Si Pemilik di tengah-tengah rumpun ada satu tunggul buluh separas pinggang tingginya. Di situ ada seorang perempuan menunggu mereka, dekatnya kelihatan sebuah dulang.

Kedua-dua pengembara berkenaan berbantah-bantah untuk mengahwini perempuan jelita itu. Mendengar pertengkaran itu lalu perempuan tersebut berkata, 'Hai, saudaraku berdua, sebenarnya kita ini sewaris dan bersaudara, maka dengan takdir Tuhan kita bertemu di sini pada saat yang baik'.

Kemudian diambungkan, 'Beta tidak boleh berkahwin dengan saudara berdua. Nama beta ialah Puteri Bongsu timang-timangan Puteri Penyayang anak raja berdarah putih, hitam tekak, bulu roma songsang. Saudaraku Datuk Hulubalang Misai Beruban dan Datuk Hitam, bukalah negeri ini dan buatlah beta tempat kediaman di Kuala Dulang'.

Maka lepas itu diapun berkahwin dengan seorang sultan. Tetapi dia tidak mengaku dirinya raja oleh sebab hendakkan pesaka turun ke waris. Di Kuala Dulang mereka berundur dengan meninggalkan dua orang anak perempuan. Maka dengan sebab itu juga mereka jadi keramat masjid Kuala Dulang hingga sekarang ini juga.

Oleh sebab hendakkan keturunan pemerintahannya turun kepada waris maka anak-anaknya sahaja ditinggalkan untuk meneroka Sungai Lumut, Peninjau dan Sarin. Mereka berdua dipercayai MOYANG ANGUT dan MOYANG ANGSA pengasas luak Jelevu"

TEROMBO

Dalam 'mentera' Jelevu (terombo) disebutkan salasilahnya bermula daripada Batin Terjali, Maharaja Alif dan Puteri Ambong Seri Alam. Mereka dikatakan datang ke Jelevu seperti dicatatkan:

"Mudik Sungai Muar sampai ke Merbau Seratus, jejak menukik mendaki jejak menurun mendorong. Sembilan orang adik beradik, lalu ditebang tebas hutan rimba, dibakar dan berhuma ditanam jagung, apabila masak dikutip dimasukkan kedalam ambung iaitu sejenis bakul rotan bersandang ke bahu bertalikan terap. Mereka menjelajah mengikut hala sebelah kanan Gunung Ledang keluar ke Johol lalu ke Semujong dan Jelevu seterusnya ke Rembau.

Di Jelevu mereka berkediaman di bukit-bukit dari Hulu Teriang ke Gunung Hantu iaitu tempat kediaman nenek moyang asal daripada zaman dahulu lagi. Mereka dikenali dengan panggilan Jakun (Biduanda). Apabila orang sudah ramai dilantiknya batin ketuanya dan jenang pembantunya mengurus hal puak-puaknya"

Batin Terjali yang datang ke Jelevu itu cucu kepada Mertang seorang ahli sihir terkenal yang berkahwin dengan adik perempuannya sendiri. Mereka mendapat seorang anak bernama Tuk Etah dan kemudiannya pergi ke Pagar Ruyung. Tuk Etah inilah mendapat anak lelaki bernama Batin Terjali yang kemudiannya datang semula ke Jelevu.

Rakannya Maharaja Alif pula mendapat seorang anak lelaki bernama Maharaja Bepang yang kemudian-nya berkahwin dengan Puteri Lindung Bulan. Daripada keturunan mereka inilah meneroka negeri, sementara Maharaja Bepang pula berkahwin dengan anak raja Cina.

Dalam satu pertemuan di sebuah gunung, Batin Terjali dan Maharaja Alif bersetuju melantik LAMBONG SETIA RAJA menjadi batin, sementara anak Maharaja Alif yang seorang lagi bernama SAH ALAM RAJA SAHARI menjadi menterinya. Mereka diperintahkan turun dari gunung tersebut dengan diberi arahan supaya membuka negeri apabila bertemu sedulang nasi.

Selepas pertemuan itu Batin Terjali, Maharaja Alif, Puteri Ambong Seri Alam dan Porok tidak didengar lagi cerita mereka. Manakala Batin Lambong Setia Raja bersama Sah Alam Raja Sehari turun dari gunung hingga sampai ke Bukit Buaiyan. Di situlah mereka bertemu sedulang nasi, lantas dinamakan tempat berkenaan Kuala Dulang.

Kemudian mereka terus membuka Hulu Teriang. Setelah negeri terbuka dengan penduduk bertambah ramai, batin Lambong Setia Raja menukar namanya kepada BATIN MAHA GALANG. Sempadan negeri yang dipersetujui oleh mereka ialah:

Di antara Jelevu dan Johol ialah Leban Besi,
Batu Berdinding Lantak dan Temiang Tumpat.

Di antara Jelevu dengan Semujong ialah Semambu Serumpun dan Nibung Tengah Air Bukit Tangga. Diantara Jelevu dengan Kelang ialah Lebah Bergoyang, Pulau Bersela dan Genting Peras. Di antara Jelevu dengan Pahang ialah Merbau Seratus, Meranti Sembilan dan Bukit Batu Bulan.

Setelah menetapkan sempadan negeri batin Maha Galang melantik JENANG SINGA SETIA RAJA menggantikannya sebagai batin di Jelevu. Beliau kemudiannya menghilangkan diri. Selepas Singa Setia Raja menjadi batin inilah pesaka tersebut diwariskan kepada perempuan iaitu MOYANG ANGSA. Bermula daripada Moyang Angsa inilah sejarah Jelevu dapat dikesan mengikut sumber lisan.

MASJID KUALA DULANG

Sejak lebih 100 tahun lalu penduduk-penduduk di Jelevu mengenali tempat terbinanya masjid tertua di luak ini ialah Kuala Dulang. Sebelum tahun 1980-an juga papan tanda di kawasan masjid berkenaan disebut Kuala Dulang juga. Tetapi selepas tahun 1980-an satu usaha telah dibuat bagi mengubah namanya kepada Kampung Dulang sahaja.

Pertukaran namanya dikaitkan dengan kedudukan kawasan tersebut bukannya di kuala sungai. Nama tersebut dikenali sebagai KUALA DULANG, menurut sumber Dato' Ombi Abdul Ghani Shahmaruddin, mungkin orang-orang di sekitar luak Jelevu datang berkaul (atau bernazar) di masjid berkenaan hingga perkataan 'Kaul Dulang' bertukar menjadi 'Kuala Dulang'.

Usaha menukar nama kawasan masjid itu dari KUALA DULANG kepada KAMPUNG DULANG, berdasarkan tidak ada kuala sungai di situ, sekalipun penduduk-penduduk di sini menyedari berhampiran kawasan berkenaan terletaklah Kampung Kuala Klawang (bukannya pekan Kuala Klawang sekarang). Apakah fakta Kampung Kuala Klawang ini hanya disebabkan Sungai Klawang, dan Kuala Dulang tidak ada sungai yang dinamakan Sungai Dulang?

Kalau berdasarkan fakta akal demikian sudah tentu masyarakat Malaysia tertanya-tanya mengapa wujudnya nama KUALALUMPUR sedangkan tidak ada sungai bernama Sungai Lumpur? Penduduk-penduduk di Pulau Pisang di Jitra, Kedah juga tentulah hairan kerana kampung mereka bukanlah sebuah pulau. Fakta masjid Kuala Dulang ini sudahpun ada dalam catatan O'Brien sebagai pegawai Inggeris yang mengutip cukai di Jelevu sejak tahun 1884 lagi.

Pertukaran nama ini bukanlah ada kaitannya dengan fakta sejarah, tetapi berdasarkan pentadbiran sahaja. Fakta sejarah kawasan ini dinamakan Kuala Dulang adalah berdasarkan kepada pembinaan masjid di situ yang terletak di tebing sebatang sungai, manakala di sekelilingnya terbentang sawah menghijau bagaikan dulang yang terhidang.

KUALA

Perkataan 'kuala' tidak mungkin mengambil sempena nama sungai, tetapi berdasarkan wujudnya Kampung Kuala Klawang yang berhampiran di situ, (Kampung Kuala Klawang terletak kira-kira tiga kilometer dari pekan Kuala Klawang, dan pekan Kuala Klawang pula terletak jauh dari kuala sungai berkenaan - p), yang terletak bersebelahan sahaja dengan masjid Kuala Dulang.

Pembinaan masjid kampung Dulang (setelah ditukar namanya) sekitar kurun ke 18, menunjukkan Islam berkembang di Jelevu bersama kedatangan orang-orang Minangkabau. Pengembaraan Batin Lambong Setia Raja hingga menemui Kuala Dulang adalah simbolik kepada penemuan oleh orang-orang Minangkabau ini. Seperti dicatatkan dalam terombo Jelevu:

" Akan hal Batin Lambong Setia Raja dan Sah Alam Raja Sahari itupun mengembara turun hingga sampai ke sebuah bukit bernama Bukit Buaiyan, di situ di sebelah bawahnya sedulang nasi menunggu mereka. Lalulah mereka-pun makan setelah penat bekerja dan membuka tempat itu.

Tanda tempat itu lalu dinamakan Kuala Dulang sebab di kuala sebuah sungai di situ. Kuala Dulang iaitu di sebelah bawah Bukit Buaiyan hingga ke hari ini dan di sini adalah dianggap keramat dan banyak hubungannya dengan luak Jelevu, dan di sini juga tempat mula perkembangan luak ini"

Andaian daripada peristiwa ini boleh kita tafsirkan bahawa orang-orang Minangkabau yang mula-mula meneroka di kawasan lembah ini, telah disediakan dengan hidangan makan sedulang oleh penduduk-penduduk tempatan terdiri daripada orang-orang Jakun sebagai tanda hubungan persahabatan yang terjalin.

Bagaimanapun kedatangan Islam ke Jelevu tentulah lebih awal lagi berdasarkan Undang Luak Jelevu yang pertama Datuk Moyang Salleh seorang tokoh beragama Islam sebelum tahun Masihi 1757 lagi. Ayahnya Datuk Mentunggang juga berasal dari Minangkabau dan beragama Islam. Datuknya Datuk Gombak yang datang dari Minangkabau kemudian berkahwin dengan neneknya Moyang Angsa, dipercayai permulaan kepada perkembangan Islam di luak Jelevu.

Hanya selepas Datuk Moyang Salleh menjadi penghulu di Jelevu barulah masjid Kampung Dulang ini dibina. Hingga sekarang masih wujud lagi masjid Kampung Dulang (sekali pun ramai penduduk Jelevu mengenalinya masjid Kuala Dulang hingga sekarang) terletak di pinggir sawah di tebing sebatang sungai iaitu Sungai Jelevu. Satu ketika dulu penduduk-penduduk di Jelevu menjadikan masjid ini tempat membayar nazar (berkaul).

Pembinaan masjid di masa lampau memang sengaja didirikan di tebing sungai, kerana memudahkan orang ramai mendapatkan sumber air bagi tujuan berwuduk. Pemilihan masjid Kampung Dulang yang dibina di tepi sungai bukanlah satu perkara yang asing, atau ada kaitan dengan perkataan 'kuala' untuk menamakannya Kuala Dulang sebelum ditukar kepada Kampung Dulang selepas tahun 1980-an.

Dengan luasnya sawah terbentang berhampiran masjid membuktikan bahawa kawasan tersebut menjadi tempat penerokaan utama dimasa lampau. Sawah padi bukan sahaja perusahaan tanaman utama bagi petani-petani ketika itu, malah kemahiran orang-orang Minangkabau yang meneroka juga adalah menumpukan kepada kegiatan perusahaan tanaman padi. Sebab itulah kerbau menjadi model binatang ternakan kepada mereka bagi mengendalikan perusahaan tanaman padi untuk membajak di sawah.

ADAT PERPATIH SEJARAH DAN SISTEM SOSIAL

(Oleh: Norhalim Hj. Ibrahim)

PENDAHULUAN

Adat Perpatih adalah adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan Nanning, Melaka. Di Negeri Sembilan, bukan keseluruhan masyarakatnya mengamalkan adat ini kerana sebahagian besar masyarakat Melayu di daerah Port Dickson, terutama sekali mereka yang di pesisiran pantai dan mukim Linggi tidak mengamalkannya. Selain dari Negeri Sembilan dan Nanning generasi kedua (sekarang dalam lingkungan 50-an ke atas) di Kampung Lukut (1) yang terletak di daerah Kota Tinggi Johor juga mengakui mengamalkan suatu variasi adat ini.

Negeri Sembilan hari ini, selain terbahagi kepada tujuh daerah mengikut sistem birokrasi moden, juga dapat dipecahkan kepada pewilayahan adat. Setiap pewilayahan adat itu dipanggil Luak. Luak-luak adat yang terdapat di Negeri Sembilan ini dapat dikelompokkan kepada tiga jenis iaitu Luak Besar atau Luak Berundang, Luak Kecil atau Luak Berpenghulu dan sebuah Luak Tambahan.

Luak Berundang adalah terdiri dari Luak-luak Jelebu, Johol, Rembau dan Sungai Ujung. Sungai Ujung adalah daerah Seremban sekarang, tetapi dari segi pewilayahan adat, kawasan sempadan daerah Port Dickson, seperti Rantau adalah termasuk dalam Luak Sungai Ujung. Sebelum 1883 kawasan Semenyih sekarang, juga adalah sebahagian daripada Luak Sungai Ujung.

Luak Berpenghulu pula adalah Luak-Luak Gunung Pasir, Inas, Jempol, Terachi dan Ulu Muar. Apabila di kelompokkan Luak-luak Berpenghulu ini dikatakan sebagai Luak Tanah Mengandung yang di dalamnya termasuk Seri Menanti.

Luak Tambahan ialah Luak Tampin. Luak ini sebelum tahun 1834 adalah sebahagian dari Luak Rembau. Demi untuk mengelakkan daripada berlakunya perang saudara yang berlanjutan dan dijajah Inggeris (walaupun akhirnya terjajah juga) Tampin diserahkan di bawah tadbiran Syed Shaaban yang dilantik menjadi pembesar oleh Inggeris sebagai hadiah membantu menawan Nanning dengan gelaran Tunku Besar Tampin (Norhalim Hj. Ibrahim, 1978:35)

2.0 SEJARAH ADAT PERPATIH

Adat Perpatih dikatakan sebagai berasal dari Mi-

ningkabau Sumatera. Ia telah di bawa ke sini oleh orang-orang Sumatera sejak ratusan tahun dahulu. Orang Minangkabau adalah tergolong ke dalam kelompok manusia yang paling banyak bergerak. Pergerakan ini mengikut konsep budaya Minangkabau diistilahkan sebagai merantau.

2.1. Latarbelakang Sejarah Minangkabau

Penghijrahan orang Minangkabau mungkin telah bermula sejak awal sejarah lagi; berkemungkinan pada zaman atau sebelum pembinaan candi Muaro Takuih (2) yang mengikut Schnitger dibina sekitar abad 11-12 masihi, (1964-37-39) (3). Tempat tersebut dinamakan Muaro Takuih mungkin sebagai lambang atau petanda ingatan bagi keadaan hidup rakyat Minangkabau iaitu sentiasa dalam ketakutan. Era ini, oleh tambo-tambo (4) Minangkabau dinamakan sebagai Zaman Undang-Undang Nan Tigo (5). Keadaan hidup yang demikian ini (takut dan cemas) telah menjadi faktor penolak bagi rakyat untuk keluar (berhijrah) dari kampung halaman dan dari Luak Nan Tigo ke kawasan timur (Rantau Timur) (6).

Keadaan hidup yang meruncing ini akhirnya telah menyedarkan pemerintah Minangkabau untuk merubah sistem masyarakatnya. Undang-undang Nan Tigo diubahsuai dan digantikan dengan sistem sosial baru yang dikenali sebagai Undang-undang Tariék Balieh (7). Besar kemungkinan sistem ini diperkenalkan disekitar abad ke 11-12 masihi, dan pembinaan candi Muaro Takuih itu adalah lambang atau tugu peringatan mengenai sistem masyarakat sebelumnya (8).

Pada mulanya undang-undang baru ini berjalan dengan baik tetapi akhirnya telah menimbulkan keadaan huru-hara kerana orang ramai telah mentafsirkan undang-undang tersebut menurut tafsiran sendiri. Akibatnya penghukuman sesuatu 'jenayah' atau sesuatu 'kesalahan' telah dijalankan oleh orang perseorangan secara sendiri tanpa isbat daripada hakim. Ini telah mencetuskan pergaduhan, malahan peperangan di antara suku-suku, antara kampung-kampung, berdasarkan dendam jo kasumat; dan perbuatan ini telah menjadi acara harian. Keadaan huru-hara ini telah sekali lagi menolak dan menggalakkan individu dan/atau kumpulan kecil individu tertentu untuk keluar daripada Luak Undang Nan Tigo dan membuka penempatan-penempatan baru yang dibuka oleh penghijrah sebelumnya.

Selain dari faktor sosio-budaya yang dinyatakan di atas, orang Minangkabau merantau, terutama sekali ke ka-

lihat m.s.12

wasan timur (Rantau Timur) juga atas tujuan ekonomi. Orang Minangkabau adalah petani. Komoditi yang paling diperlukan oleh pedagang-pedagang Cina, India dan Parsi sejak tahun 500 masihi adalah lada. Pusat-pusat perdagangan utama sejak abad tersebut sehingga ke abad 14 terletak di kawasan timur pulau Sumatera. Keperluan "untuk mencari dan 'meneruko' daerah yang subur" (Mansoer, dll, 1970:39) untuk pertanian, telah membuat mereka berpindah ke kawasan tersebut, terutama sekali di tepi sungai-sungai besar dekat muara dan laut (Mansoer, dll, 1970:40)

2.2. Sejarah Kedatangan Orang Sumatera Ke Tanah Melayu

Seandainya saranan yang mengatakan Muaro Takuih didirikan sebagai lambang tamatnya era Undang Nan Tigo dan bermula zaman Undang-Undang Tariék-Balieh yang juga akhirnya mewujudkan keadaan hidup yang tidak banyak berbeza dengan keadaan sebelumnya, dan dikuatkan lagi dengan adanya keperluan ekonomi maka pendapat Marsden mengenai penghijrahan orang Minangkabau Tumasik (Singapura sekarang) iaitu pada abad ke-12 (1811, cetakan semula 1966:333), tarikh ini walaupun tidak tepat, tidak banyak dari kenyataan sebenarnya.

2.2.1 Kedatangan Peringkat Awal

Mengikut Marsden orang Minangkabau yang telah bersama membuka Tumasik itu adalah pengikut atau di bawah pimpinan Sang Nila Utama yang kemudian bergelar Seri Tri Buana (9). Pandangan Marsden yang menyatakan bahawa Seri Tri Buana itu berasal dari Minangkabau adalah bercanggah dengan anggapan umum. Kebanyakan sarjana, penulis dan pengkaji sejarah Melayu berpendapat Seri Tri Buana adalah berasal dari daerah Palembang sekarang, dan bukannya dari Minangkabau. Walau bagaimanapun, pandangan Marsden ini telah mendapat sokongan kuat daripada Wolters.

Wolters dalam kajiannya mengenai kejatuhan Srivijaya telah memberi keterangan lanjut mengenai kedudukan Palembang, ibu kota Srivijaya pada ketika Seri Tri Buana membuka Tumasik. Katanya:

Menjelang penghujung abad kesebelas, ibu kota kerajaan Melayu pindah dari Palembang ke Jambi, lebih ke utara di tepi pantai yang sama. Srivijaya,

dengan ibu kota Palembang dengan erti kata sebenarnya, kini tidak ada lagi namun para ahli terlalu terbiasa memakai istilah tersebut dalam makna kerajaan yang diperintah dari Jambi dan kemudiannya dari pendalaman Minangkabau. (Wolter, 1970:2)

Penulis-penulis seperti Loeb (1935), Josselin de Jong (1951) dan Wilkinson (1911) telah pergi lebih jauh lagi dengan menyatakan bahawa seluruh penduduk Semenanjung adalah berasal dari Minangkabau. Andaian terakhir ini agak terlalu umum lagi menyeluruh dan sukar diterima kebenarannya.

Berdasarkan pendapat Marsden dan Wolter dapatlah kita mengandaikan bahawa orang Minangkabau telah mula sampai ke Semenanjung di sekitar abad ke 18 dan awal abad ke 12. Pada abad-abad berkenaan orang-orang Minangkabau mungkin hanya berhijrah ke bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu, mungkin bertumpu ke Tumasik terutamanya dan juga ke Hujungmedini (Johor).

2.2. Ia Kenapa Tumasik

Tumasik telah wujud sejak akhir abad ke 11 dan awal abad ke 12 lagi. Pada ketika itu ia adalah sebahagian dari empayar Srivijaya, dan mungkin merupakan salah satu pusat perdagangan di selatan Semenanjung. Kepentingan Tumasik ini terbukti apabila ia menjadi salah satu daripada sasaran dalam siri serangan Rajendra, Raja Chola ke atas Srivijaya pada tahun 1025 (Hall, 1971:46). Serangan Rajendra ini bukannya percubaan hendak menakluki, tetapi hendak melemahkan kekuasaan Srivijaya (Hall, 1971:76)

Apa yang penting mengenai peristiwa ini kepada pembicaraan kita ialah fakta yang menyatakan Tumasik telah wujud sebagai pusat perdagangan pada abad ke -12. Fakta ini mungkin dapat menyokong kenyataan yang menyatakan kedatangan perantau Minangkabau ke Tumasik pada abad tersebut. Oleh sebab Tumasik adalah pusat perdagangan, jadi ianya adalah lanjutan kawasan perantauan orang Minangkabau selepas merantau ke Sumatera Timur (Rantau Timur Minangkabau)

2.2.1b. Dari Tumasik Berhijrah Ke Utara

Kemudian, dengan menggunakan Tumasik dan mungkin Hujungmedini 'pelarian' (10) dan peneroka cum pedagang Minangkabau telah pula merantau ke bahagian tengah Semenanjung Tanah Melayu, terutama di Kelang dan Sang Hyang Hujung (kawasan Tanjung Tuan/Muara Sungai Linggi sekarang). Penghijrahan ke kawasan tengah ini mungkin berlaku selepas kejatuhan Srivijaya dan kebangkitan Majapahit di sekitar awal abad ke-14. Di zaman kerajaan Majapahit, selain daripada Tumasik, Kelang dan Sang Hyang Hujung juga menjadi pusat perdagangan utama di selat Melaka.

2.2.1c Pola Migrasi awal

Dari huraian di atas ternyata bahawa pada mulanya perantau itu keluar untuk 'lari' dan/atau menjadi peneroka tanah pertanian. Di rantau, bermula dari pantai timur pulau Sumatera mereka telah menjadi lebih aktif dalam perdagangan terutama sekali apabila mereka merantau ke Tumasik. Jadi melalui masa, perantau Minangkabau ini telah belajar dan berpengetahuan dalam perdagangan antarabangsa. Keaktifan mereka

dalam perdagangan ini telah mendorong mereka dalam perdagangan antarabangsa. Keaktifan mereka dalam perdagangan ini telah mendorong mereka meneroka kawasan baru untuk mencari dan menghasilkan bahan atau barang dagangan.

Oleh sebab, Sang Hyang Hujung adalah pusat perdagangan, maka perantau ini telah mencari kawasan pendalaman yang berhampiran dengan pusat berkenaan untuk mencari dan menghasilkan serta mendapat bahan dagangan. Mereka telah memudiki Sungai Penajoh (sungai Linggi sekarang) dan sampai ke kawasan Rembau dan Naning.

Dari segi masa pola migrasi yang baru diuraikan di atas nyatalah bahawa perantau Minangkabau tidak datang terus dari Minangkabau ke Semenanjung. Mereka telah melakukan proses migrasi berperingkat (step migration). Ini bermakna, dari dataran tinggi Sumatera (Luak Nan Tigo) mereka telah berpindah ke kawasan timur (langkah atau peringkat pertama). Setelah menetap di Rantau Timur mereka dan generasi kedua orang perantau itu telah berpindah pula ke Tumasik dan Hujumedini; peringkat kedua. Akhir sekali (peringkat ketiga) mereka telah berpindah lagi ke kawasan sekitar (pendalaman) Sang Hyang Hujung. Sebahagian besar daripada penghijrah yang meneroka kawasan pendalaman Sang Hyang Hujung pada abad ke-13 dan 14 adalah terdiri dari generasi kedua atau mungkin generasi ketiga peneroka Rantau Timur Minangkabau.

Orang-orang atau/dan keturunan orang Minangkabau yang datang ke Semenanjung Tanah Melayu pada sekitar abad ke-12, 13 dan 14 ini terdiri daripada dua golongan utama iaitu:

- (a) mereka yang datang dengan tujuan mencari penempatan baru dan
- (b) mereka yang datang untuk berniaga

Golongan kedua pula boleh dikelompokkan ke dalam dua kategori utama iaitu:

- (a) mereka yang sememangnya datang untuk berdagang sahaja. Mereka ini apabila sampai musim atau masa-masa tertentu akan balik ke tanah asal mereka membawa kekayaan.
- (b) mereka yang pada mulanya datang untuk berniaga, tetapi akhirnya telah meneroka ke kawasan baru untuk menjadi petani, iaitu kegiatan ekonomi atau kerjaya yang sememangnya menjadi darah daging orang Minangkabau (11).

2.2.2. Migrasi Selepas Abad Ke-13

Tujuan orang Minangkabau merantau selepas abad ke-13 telah berubah. Sebelum abad tersebut, sebahagian besar daripada mereka adalah 'pelarian', tetapi selepas tersusun Adat Tuah Disakato (12) oleh Sultan Balun (atau lebih dikenal dengan nama Datuk Perpatih Nan Sebatang) menggantikan Undang-Undang Tariék Baleih, dan dengan terbuktnya (dari)

kejayaan merantau, motif pergi merantau telah berubah. Merantau secara tidak disedari telah menjadi satu institusi dalam budaya Minangkabau, khususnya lelaki muda atau bujang. Mereka sentiasa digalakkan dan ditolak agar pergi merantau oleh kaum kerabatnya. Falsafah kebendaan Minangkabau mendorong anak muda lelaki yang bujang agar keluar mencari kekayaan dengan tujuan memperkukuh dan meningkat martabat, bukan diri sendiri tetapi kaum kerabat agar setaraf atau melebihi kaum kerabat yang lain. Anjuran dasar supaya setiap orang mencari kekayaan ini dipantunkan (13) kepada setiap orang anak Minangkabau, sejak dari dalam buaian. Justru itu pembudayaan dan penginternalisasian perlakuan merantau itu adalah proses seumur hidup, sejak lahir sehingga berumahtangga dan diikuti pula dengan proses keturunan ke generasi baru, sehingga ia meninggal dunia. Dengan kata lain, merantau kepada masyarakat Minangkabau berfungsi sebagai suatu upacara peralihan (rite de passege) untuk membuktikan bahawa telah terjadi proses pendewasaan ke atas seseorang anak lelaki dan kerananya telah boleh memasuki kehidupan yang lebih tinggi lagi iaitu berumahtangga. (Mochtar Naim, 1979:12, 1948 :2)

Dengan berlatarbelakangkan situasi yang dinyatakan di atas maka dapatlah kita mengandaikan bahawa penghijrahan orang Minangkabau telah mula sampai ke Rembau dan Naning, wilayah-wilayah awal yang dibuka, pada sekitar abad ke-12 masihi. Berkaitan dengan ini beberapa orang penulis dan peminat sejarah Melayu telah memberi pandangan dan pendapat.

2.3 Pembukaan Rantau Minangkabau Di Negeri Sembilan

Newbold yang telah menulis sebuah rencana mengenai Rembau dan tiga buah rantau Minangkabau yang lain di Semenanjung dalam tahun 1834 mungkin penulis terawal yang membicarakan mengenai tarikh mula orang Minangkabau datang ke Rembau dan Naning. Beliau, oleh sebab tidak terdapat keterangan sejarah yang pasti mengenai tarikh tersebut telah menggunakan tradisi lisan setempat sebagai penunjuk (1834:256; 1839:77). Dengan berpandukan tradisi lisan tersebut, beliau telah menterjemahkan tarikh berkenaan sebagai abad ketujuh hijrah. Tarikh itu telah diberikan bersamaan dengan abad ke-12 masihi, apabila rencana berkenaan dibukukan dan diterbitkan dalam tahun 1839.

Selain daripada Newbold, Favre seorang mubaligh katolik juga telah cuba memberikan tarikh kedatangan orang-orang Minangkabau. Favre walaupun tidak menyatakannya dengan secara langsung telah agak lebih tegas daripada Newbold. Mengikutnya, Rembau dan Naning telah diteroka oleh orang Minangkabau seratus (100) tahun selepas Tumasik dibuka oleh Tun Nila Utama; dan beliau memberikan tahun 1160 masihi (1848: 239) sebagai tahun Tumasik dibuka. Ini bermakna, secara tidak langsung, Favre berpendapat Rembau dan Naning telah mula dibuka pada sekitar tahun 1260 masihi.

Jarak masa di antara tarikh yang dikemukakan oleh dua orang penulis awal ini adalah kurang lebih satu abad. Jikalau kita melihat kembali latar belakang sejarah sosial Minangkabau seperti yang diuraikan di atas dapatlah kita menyatakan bahawa sebahagian besar (tetapi dari segi jumlah masih kecil) dari penghijrahan telah menitis tiba ke kawasan Negeri Sembilan, khususnya Rembau dan Naning dalam abad ke-12 masihi (Newbold) dan mereka itu kebanyakannya 'pelarian' dari sistem sosial Minangkabau. Perantau yang menitis tiba pada abad ke-13 (favre) adalah sebaliknya: bilangan pedagang adalah melebihi orang 'pelarian'. Kebanyakan mereka ini datang tidak lagi melalui Tumasik tetapi terus dari pesisir timur pulau Sumatera.

Perpindahan pedagang Minangkabau (kebanyakannya dari generasi kedua) dari Rantau Timur Pulau Sumatera ke kawasan pesisiran pantai barat Semenanjung, mulanya di sekitar Sang Hyang Hujung dan Kelang dan akhirnya ke bahagian pendalaman Sang Hyang Hujung (Rembau dan Naning) mungkin ada kaitannya dengan politik Srivijaya. Kerajaan Srivijaya sejak pertengahan abad ke-12. "sedang beransur-ansur merosot" (Hall, 1971:77), dan ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ibukota Srivijaya pada akhir abad tersebut dan pada awal abad berikutnya berpindah ke Jambi (kerajaan Melayu) tidak lagi di Palembang (Hall, 1971:78).

2.4 Proses Penerokaan Awal Negeri Sembilan (Rembau Dan Naning)

Perantau Minangkabau yang datang ke Rembau dan Naning bukan dalam kelompok besar atau mass-migration tetapi orang perseorangan atau kumpulan kecil. Sebahagian besar daripada mereka ini tidak tinggal menetap di satu tempat tertentu tetapi sentiasa bergerak. Mereka yang pada dasarnya adalah petani telah cuba menukar cara hidup kepada perdagangan. Aktiviti perdagangan ini telah menyebabkan mereka banyak bergerak. Ini juga bermakna pada zaman awal mereka tidak membuka penempatan besar di kawasan pendalaman Sang Hyang Hujung.

Pada peringkat ini kawasan penempatan itu seperti Rembau (Perabu)(15) dan Naning belum lagi mencapai tahap negeri dalam proses metamorphosis penempatan mengikut konsep budaya Minangkabau; mungkin hanya bertaraf teratak sahaja.

Sebagai teratak iaitu penempatan yang bersifat sementara, penempatan itu belum penting. Justeru itu apabila Prapanca menyenaraikan nama-nama tempat takluk Majapahit di Semenanjung Tanah Melayu semasa menulis kitab Nagarakartagama (1365 masihi) nama Rembau atau Naning tidak tersenarai. Nama yang disenaraikan adalah seperti Muar, Sang Hyang Hujung dan Kelang (Coedes, 1968:244; Wojowasito 1960:60).

Berdasarkan kedudukan ketiga-tiga tempat ini kesemuanya adalah pelabuhan perdagangan pada ketika itu.

2.4.1 Penerokaan Pada Abad Ke-14 dan 15

Mulai pada akhir abad ke-13 dan awal abad ke-14 sebahagian dari perantau Minangkabau telah berubah dari corak 'pelarian' dan pedagang kepada corak peneroka tanah pertanian. Antara kawasan yang menjadi tumpuan mereka adalah Rembau dan wilayah sekitarnya (Negeri Sembilan sekarang) kerana pada abad ini 'jalan' untuk ke kawasan berkenaan telah dibuka oleh perantau-perantau awal dan telahpun terdiri 'teratak orang-orang Minangkabau'.

Berdasarkan kenyataan yang baru disebut di atas, maka pernyataan Parr dan Mackray yang menyarankan bahawa Rembau telah dibuka oleh orang Minangkabau pada tahun 1388, bersamaan tahun 773 hijrah (16) (1910:2) dan/atau pernyataan Abas Hj. Ali, pada tahun 1338 (17) (1953:1) itu mungkin ada kebenarannya. Mereka datang untuk meneroka dan menjalankan usaha, mungkin pertanian bersawah padi dan berkebun lada, di samping aktif dalam bidang perniagaan. Apabila tiba musimnya, selepas usaha pertanian berjaya dan beroleh keuntungan mereka balik ke Sumatra; dan kembali semula ke Rembau pada musim berikutnya untuk meneruskan atau menyambung kerjaya mereka. Dengan ini jelas bahawa keusahawan mereka di Rembau bermusim dan bersifat sementara.

Meskipun demikian teratak atau penempatan itu tidak 'terbiar' semasa musim mereka balik ke kampung kerana penempatan itu akan 'diperhatikan' dan 'diusahakan' pula oleh rakan seperantauannya, yang mungkin orang sekampung, atau sesuku dengannya, yang tidak 'balik' pada musim berkenaan. Situasi ini menyebabkan penempatan di Rembau dan Naning itu, walaupun telah lama diteroka berlanjutan bertaraf teratak dan tidak mencapai taraf nagara (18).

Di Minangkabau, sebelum sesuatu penempatan itu menjadi nagari ia harus melalui proses metamorphosis (Kato, 1982:75-78). Proses ini mengikut Tambo adalah dari teratak, menjadi kampung, menjadi dusun, menjadi kota dan akhirnya barulah terdiri nagari. Masa yang diperlukan untuk memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk mendirikan sebuah nagara adalah lama.

Proses perkembangan Rembau menjadi sebuah nagari, sehingga ia boleh diistilahkan sebagai Regiam de Menaucabos dalam tahun 1513, oleh Tomas Pires, telah juga melalui proses metamorphosis ini. Tetapi sebagai sebuah rantau, seperti juga pembentukan rantau Minangkabau yang lain, Rembau tidak terikat melalui setiap peringkat secara terperinci. Dengan demikian, berapa aspek telah dikecualikan dan/atau berlaku pengubahsuaian, misalnya kewajipan mendirikan rumah gadang pada tahap dusun (Navis, 1984: 108)

Dalam kes penempatan/rantau Minangkabau di Rembau, oleh sebab peneroka Minangkabau itu terlalu mobile (banyak bergerak) masa yang digunakan untuk sampai ke tahap nagari lama, lebih kurang tiga abad dan hanya dicapai pada penghujung abad ke-15 (mungkin pada tahun 1490-an) iaitu

apabila seorang pembesar adat, Datuk Leteh dari Minangkabau datang (Hervey, 1884:251).

Di samping menjadi peneroka beliau juga adalah wakil peribadi Tuan Makudum di Sumanik, itu salah seorang dari Basa Ampek Balai Minangkabau, yang salah satu daripada tugasnya iaitu mengawasi rantau Minangkabau (Rasjid Manggis, 1988:103)

Mulai dari tarikh itu, kerajaan Rembau mulai berkembang sehingga sampai ke puncak keagungannya pada sekitar abad ke-17. Pada abad berkenaan Rembau adalah menjadi pusat sosio-politik- budaya Negeri Sembilan dan diakui secara rasmi oleh kerajaan Belanda di Melaka serta kesultanan Melayu Johor (19). Mercu keagungan Rembau dan Negeri Sembilan ini betul-betul tercapai apabila Raja Melewar ditabalkan menjadi Yamtuan Besar di Penajis Rembau pada sekitar tahun 1720-an (Khoo Kay Kim 1990:6-7)

3.0 ADAT PERPATIH

Sebagaimana dinyatakan pada awal penulisan ini, Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah berasal dari Minangkabau, dibawa oleh perantau-perantau yang meneroka negeri ini. Nama adat ini, Adat Perpatih adalah mengambil sempena gelaran orang yang menyusun Adat Tuah Disakato, yakni adat yang diamalkan di Minangkabau. Menurut Newbold (1839:76-7), Negeri Sembilan semasa kedatangan perantau Minangkabau bukanlah kawasan yang tidak berpenghuni. Di situ telah pun ada anak watan setempat yang rata-rata terdiri daripada kumpulan orang asli.

Dari segi sistem kemasyarakatan, kedua-dua suku bangsa ini; orang asli setempat (Jakun) dan orang mendatang (Minangkabau) mempunyai persamaan, yakni mengamalkan sistem nasab ibu atau matrilineal (Bahrom Azhar, 1984:4). Oleh sebab mempunyai dasar sistem kemasyarakatan yang sama, maka atur cara tolak ansur telah berlaku tanpa konflik atau pertentangan. Walaupun tidak ada pertentangan, pihak pendatang masih perlu menjalani hubungan berbaik-baik dengan anak watan. Terdapat pelbagai bentuk atur cara tolak ansur yang mungkin berlaku secara asimilasi, iaitu melalui perkahwinan dengan gadis tempatan, ataupun secara akomodasi iaitu melalui penerimaan serta pengakuan hak anak watan (Samsul Amri, 1984:3). Dan, oleh kerana latar belakang budaya dan pengalaman yang lebih maju maka golongan perantau tadi berkemampuan melaksanakan tradisi mereka di tempat baru itu, sama ada secara halus atau paksa. Dengan cara inilah sistem adat Minangkabau itu diasaskan sebagai dominan di Negeri Sembilan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:95)

Sebagai rantau dan dengan berlakunya proses atur cara tolak ansur, susunan dan struktur keseluruhan masyarakat dan adat di Negeri Sembilan tidak menyerupai benar seperti yang terdapat di Minangkabau. Tradisi adat yang dibentuk ini kemudiannya berlambang dalam satu bentuk yang mencerminkan

keadaan setempat, dengan cirinya yang tersendiri sesuai dengan keadaan khusus yang bercorak Negeri Sembilan.

Hasilnya wujudlah satu sistem adat yang mempunyai falsafah Minangkabau, tetapi berbentuk adat Negeri Sembilan. Adat Negeri Sembilan ini menjadi satu variasi tempatan adat Minangkabau; dan mungkin untuk mengekalkan semangat perhubungan dan perkaitan antara rantau Negeri Sembilan dengan negeri induknya, Minangkabau, maka dinamakan adat itu sebagai Adat Perpatih.

3.1 Kategori Adat

Sebagai keseluruhan Adat Perpatih dapat dikategorikan kepada empat jenis, yakni: adat nan sebenar adat, adat nan teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat. Keempat kategori ini adalah teras dasar dan prinsip utama sistem dan organisasi adat, sama ada sosial, ekonomi, politik ataupun budaya.

3.1.1 Adat Nan Sebenar Adat

Adat ini adalah aturan semulajadi. Untuk adat jenis inilah letaknya kebenaran kata perbilangannya:

Nan tak lapuk dek hujan,
nan tak lekang dek panas.

Contoh-contoh adat jenis ini adalah

Adat tajam	: melukai,
adat air	: membasahi,
adat api	: membakar.

Oleh sebab ianya kejadian semulajadi, adat jenis ini tidak mungkin berubah.

3.1.2 Adat Yang Teradat

Adat kategori ini merujuk kepada aturan, nilai kepercayaan yang telah terkumpul sejak manusia hidup bermasyarakat. Ini membentuk piagam (charter) sosial bagi pengamal Adat Perpatih. Oleh sebab mereka ini masyarakat yang mempunyai cara hidup kolektif, pengamal Adat Perpatih boleh menambah atau mengeneipikan atau malah menggantikan adat jenis ini kerana adat ada mengatakan "patah tumbuh hilang berganti". Tetapi segala penambahan, pengeneipian dan penggantian itu haruslah dilakukan melalui keputusan muafakat dan kebulatan ahli.

3.1.3 Adat Yang Diadatkan

Adat kategori ini merujuk kepada segala aturan dan prinsip setempat, dan oleh sebab ia mendatangkan kebaikan dan diterima oleh masyarakat umum, telah diinstitusikan melalui muafakat:

Nan elok dipakai jo muafakat,
nan buruk dibuang jo kebulatan;
adat habis dek kerelaan.

3.1.4 Adat istiadat

Adat kategori terakhir ini merujuk kepada pelaksanaan budaya yang menyokong, mengesahkan dan memantapkan institusi-institusi adat dalam kategori lain yang disebut di atas. Ia dinyatakan dalam upacara-upacara rapi dan teliti, lengkap dengan artifek-artifek serta aturan-aturan semasa merayakan sesuatu peristiwa. Adat kategori ini boleh diubahsuai dan dibuang atau diganti berdasarkan keadaan dan persekitaran hidup dan masa.

3.2 Konsep Kerja Adat Perpatih

Di atas keempat-empat kategori adat yang baru dinyatakan amalan adat tanpa mengira sama ada sosial, ekonomi ataupun politik adalah berlandaskan diatas dua kod etik teras dan dasar iaitu muafakat dan kerjasama. Namun sebelum melaksanakan kod etik itu pengamal adat harus terlebih dahulu mengadakan berkampung atau kerapatan.

3.2a Adat Berkampung

Berkampung adalah satu adat yang memainkan peranan yang penting dalam hidup masyarakat. Ianya adalah perhimpunan atau pengumpulan kesemua ahli kelompok kekeluargaan atau anak buah untuk membincangkan satu-satu masalah atau pendirian yang harus diambil untuk kepentingan bersama. Kehadiran kesemua ahli kelompok kekeluargaan dalam adat berkampung adalah mesti tiada pengecualian (21). Ketidakhadiran seorang ahli bermakna adat berkampung tidak dapat diteruskan.

Seurutan dengan ini, ketua adat bertanggungjawab mencari sebab mengapa ahli berkenaan tidak hadir. Kegagalan ahli berkenaan untuk tidak hadir menjadi petunjuk mengenai adanya rasa tidak puas hati, terkilan, berselisihan fahaman atau konflik di kalangan ahli kelompok. Keadaan begini, kalau tumbuh, tidak harus dibiarkan berpanjangan kerana ia boleh meretakan kesatuan dan perpaduan kelompok. Ketua adat harus mendamai dan memulihkan keadaan melalui adat bertimbang salah iaitu kedua-dua pihak yang bersengketa akan menyatakan sebab-sebab terjadinya perbalahan. Perbincangan mengenainya adalah terbuka. Ahli-ahli akan memberi pendapat, nasihat dan memujuk agar keharmonian antara yang bersengketa tercapai semula.

3.2b Adat Kerapatan

Pada hakikatnya tidak banyak perbezaan antara berkampung dan kerapatan. Adakalanya kedua-duanya digunakan untuk tujuan dan pengertian yang sama. Namun pada kebiasaannya kerapatan lebih merujuk kepada perhimpunan yang berkait dengan masalah politik adat, aturan adat, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan adat pada darjah yang tinggi. Ia melibatkan bukan sahaja satu kelompok kekeluargaan tetapi lebih daripada satu. Justeru itu ia melibatkan ketua-ketua adat daripada beberapa kelompok kekeluargaan,

kadangkala dalam kerapatan demikian, Undang sendiri turut hadir, terutama sekali jika melibatkan struktur dan organisasi sosial atau politik seluruh luak dan masyarakat.

3.2.1 Kod Etik Adat Perpatih

Kod etik adat perpatih adalah muafakat dan kerjasama. Pada kebiasaannya kedua-dua kod etik ini dicapai melalui berkampung, terutama sekali berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan kelompok kekeluargaan. Namun dalam kehidupan seharian, kedua kod ini diamalkan tanpa proses berkampung, kerana ia telah menjadi sebahagian budaya adat.

3.2.1a Konsep Muafakat

Perlakuan berhimpun kesemua anggota kelompok kekeluargaan untuk membincangkan aktiviti dan/atau masalah yang timbul dikatakan muafakat. Muafakat mendahului sebarang aktiviti masyarakat Adat Perpatih. Untuk melakukan setiap aktiviti perlu dicari persefahaman antara anggota kelompok melalui muafakat Adat Perpatih ialah keputusan yang diambil harus mendapat persetujuan semua ahli, tanpa pengecualian. Keadaan ini dikatakan sebagai kebulatan. Kerana ciri ini (kebulatan) juga di dalam sebarang adat berkampung semua ahli dimestikan hadir.

Kebulatan fahaman mungkin hanya tercapai dengan muafakat. Berdasarkan kebulatan fahaman segala-galanya mungkin dilakukan (2). Daripada kehidupan yang beradat dengan muafakatnya itu akan dapat ditegakkan kebenaran dan keadilan. Daripada kebenaran dan keadilan itu barulah timbul hak yang samarata antara anggota; tidak terlebih pada yang satu dan tidak terkurang pada yang lain. Dari persamaan hak dalam lingkungan hidup maka dapat pula menimbulkan kesatuan dan kesepaduan di kalangan anggota kelompok kekeluargaan dan seterusnya keseluruhan masyarakat.

Proses penyelesaian masalah dan untuk menjalankan aktiviti melalui muafakat dan kebulatan fahaman ini mungkin dapat disamakan dengan konsep syura dalam Islam.

3.2.1b Konsep Kerjasama Dan Gotong Royong

Seperti juga muafakat, konsep kerjasama, gotong royong serta menyeraya adalah ideal sosial kudus Adat Perpatih. adat melalui perbilangannya (24) sentiasa menekankan agar aggotanya sentiasa menjalin perhubungan yang rapat sekali. Mereka diharapkan saling bantu membantu dan bekerjasama di dalam semua hal.

Sehubungan ini adat menekankan agar setiap anggota memberikan sumbangan masing-masing dalam segala aktiviti yang dijalankan dalam masyarakat. Sebagai satu sistem yang dinamik dan fungsional, adat telah memperinci tugas-tugas setiap anggota masyarakatnya sesuai dengan kemampuan dan kebolehan masing-masing dengan mengambil kira keadaan fizikal dan mental mereka. Dengan ini setiap ahli dapat sen-

tiasa ada cara bagaimana ia boleh memberi sumbangan dan mengekalkan harga diri dan hormat ahli kelompoknya.

Secara tidak langsung dalam sistem adat Perpatih telah wujud sistem pembahagian kerja (division of labour) jauh lebih awal daripada orang-orang barat.

Memahami bahawa tidak semua ahlinya berkemampuan untuk mencapai kejayaan maka adat mengatur agar orang yang telah berjaya dalam hidup tidak menekan orang yang kurang beruntung. Sebaliknya mereka harus memperkongsikan kekayaannya. Seiring dengan ini, adat juga mengharuskan ahlinya yang kurang berjaya supaya jangan hanya mengharap bantuan; maka dimestikan, tanpa mengira keadaan supaya berusaha dan memberikan sumbangan tenaga dan bekerjasama untuk meninggikan lagi status dirinya, yang bermakna juga meninggikan taraf kelompoknya. Di samping itu nama baik kelompok kekeluargaan harus dijaga bersama dan setiap anggota diharapkan memainkan peranan dan mempertahankan nama baik tersebut.

Tegasnya, dalam aktiviti hidup seharian pengamal adat tidak harus bersikap individualistik tetapi komunalistik.

3.3 Struktur Dan Organisasi Sosial

Masyarakat adat di Negeri Sembilan dapat dikelompokkan kepada beberapa suku. Setiap suku dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dinamakan perut setiap perut dapat pula dibahagikan kepada beberapa ruang yang mengandungi beberapa rumpun.

3.3.1 Rumpun

Rumpun (25), kelompok kekeluargaan yang terkecil adalah merupakan kelompok keluarga luas, yang mengandungi ahli sekurang-kurangnya tiga generasi. Dari segi politik kelompok ini tidak mempunyai peranan yang jelas tetapi dari segi sosial dan kegiatan ekonomi serta budaya penyertaan keseluruhan ahli adalah penting.

Pemimpin kelompok ini dipanggil kodin dan Tua Ruang. Beliau tidak mempunyai gelaran tertentu, melainkan gelaran biasa atau gelaran peribadi seperti yang dikatakan: kecil bernama, besar bergelar.

3.3.2 Ruang

Gabungan beberapa rumpun membentuk ruang (26). Ahli ruang selalunya mempunyai kaitan kekeluargaan hingga sekurang-kurangnya empat generasi (Norhalim Hj. Ibrahim 1976:84). Ikatan kekeluargaan di peringkat ini masih kuat dan rapat. Di kalangan ahli seruang masih ada hubungan obligasi. Pemimpin ruang di gelar Besar mempunyai gelaran tertentu.

3.3.3 Perut

Sebuah perut adalah gabungan beberapa ruang. Jumlah generasi yang menganggotai berbeza dari satu luak ke satu luak yang lain. Di Jempol ahli seperut adalah terdiri daripada lingkungan sembilan hingga sepuluh generasi (Kahar Bador, 1963:45), di Rembau sehingga enam generasi (Norhalim, 1969:50) dan Inas (Lewis, 1960:83) sehingga lima generasi dan di Jelevu, mengikut Swift (1965:16) hanya dua atau tiga generasi. Perut diketuai oleh seorang Buapak yang mempunyai gelaran tersendiri.

Setiap perut mempunyai nama. Ada dua cara bagaimana perut itu boleh mendapat nama:

- (a) mengikut nama kampung di mana kelompok asal perut itu tinggal atau berasal.
- (b) mengikut gelaran Buapak perut tersebut.

3.3.4 Suku

Suku adalah pengelompokan yang terbesar dalam masyarakat Adat Perpatih. Selalunya suku adalah gabungan beberapa perut, walaupun ada suku yang mempunyai satu perut sahaja.

Secara idealnya masyarakat Adat Perpatih dapat dikelompokkan kepada dua belas suku iaitu:

Biduanda	Seri Lemak
Batu Hampar	Batu Belang
Paya Kumbuh	Tanah Datar
Mungkal	Anak Acheh
Tiga Nenek	Anak Melaka
Seri Melenggang	Tiga Batu

Walaupun secara ideal terdapat dua belas suku ini berbeza dari luak ke luak. Ketua Suku dipanggil Lembaga. Setiap Lembaga mempunyai gelaran tersendiri dan dalam kehidupan seharian dipanggil Datuk.

3.3.4a Keahlian Dalam Suku

Keahlian seseorang dalam suku adalah kekal untuk selama hidup. Seseorang itu dianggap dan digolongkan ke dalam sesuatu suku atas dua cara: melalui kelahiran, dan dengan cara anak angkat atau diistilahkan sebagai dikadimkan.

(i) Melalui Kelahiran

Seseorang yang dilahirkan dalam sesuatu keluarga Adat Perpatih secara otomatis menjadi ahli suku ibunya. Ini adalah prinsip keturunan nasab ibu yang menjadi prinsip dasar sistem sosial Adat Perpatih.

(ii) Melalui Dikadimkan

Kadim adalah bermaksud saudara. Dikadimkan bermaksud dijadikan saudara atau dijadikan anak angkat. Ada dua jenis kadim yang biasa dilakukan di kalangan masyarakat Adat

Perpatih iaitu Kadim Adat dan Kadim Pusaka.

3.4 Organisasi Dasar Masyarakat

Ahli nukleus sesuatu rumpun, ruang, perut dan suku ialah seorang wanita dan anak-anak perempuan. Dalam masyarakat Adat Perpatih, kelompok kekeluargaan rumpun dan bukannya keluarga asas atau nuklear yang menjadi atau membentuk kelompok unit keturunan yang efektif dalam satu suku. Dalam kelompok inilah terencana hak individu untuk penyaraan dan terhadap harta. Anak-anak bukan hak keluarga asas tetapi hak rumpun ibunya.

3.5 Perkahwinan

Aturan perkahwinan masyarakat Adat Perpatih mengikut kedua-dua norma persepektif dan preferential. Norma perspektif dasar sistem ini adalah eksogami yakni seorang lelaki tidak boleh meniduri perempuan dari sukunya sendiri. Norma preferential pula adalah untuk melakukan perkawinan silang pupu.

Selain menggalakkan jodoh tertentu, Adat Perpatih juga melarang atau menetapkan orang-orang yang tidak boleh dikahwini untuk selama-lamanya dan orang-orang yang dilarang kahwini sementara sahaja. Larangan adat dalam menentukan jodoh terbahagi kepada dua cara iaitu:

- (a) larangan perkahwinan sesuku (indogami)
- (b) larangan perkahwinan sepupu selari

3.5.1 Poligami (Poliandri) Sesuku

Adat juga melarang seorang lelaki kahwin dengan dua atau lebih orang perempuan yang datang dari suku yang sama. Ini termasuk juga kahwin dalam kategori sumbang (salah) iaitu berkahwin dengan perempuan yang sesuku dengan isteri yang telah ditalak. Namun, kes terakhir ini biasanya dibenarkan selepas perundingan dan membayar denda yang disebut kalang batang.

3.5.2 Bentuk Perkahwinan Adat Perpatih

Secara menyeluruh, di kalangan masyarakat Adat Perpatih, terdapat dua bentuk perkahwinan: perkahwinan lazim dan perkahwinan tidak lazim.

(i) Perkahwinan Lazim: Perkahwinan yang mengikut aturan adat, dan melalui peringkat-peringkat: merisik, meminang, akad nikah atau hari olek dan menyalang. Hari olek ini pula dapat dipecahkan kepada empat jenis: olek biasa, olek Buapak, olek Lembaga dan olek Undang.

(ii) Perkahwinan Tidak Lazim: Perkahwinan yang tidak mengikut kebiasaan saluran adat dipanggil perkahwinan tidak lazim. Dalam masyarakat adat, perkahwinan bentuk ini terdiri daripada enam jenis: Terkurung di dalam, Serah Menyerah, Merumah, Merebut Rampas, Kahwin Lari dan beli

Laki (Norhalim Hj. Ibrahim, 1992a: 20-22)

3.6 Prinsip Tempat Tinggal

Aturan tempat tinggal selepas perkahwinan di kalangan masyarakat Adat Perpatih adalah uksorilokal atau matrilokal iaitu suami menetap di rumah keluarga isteri walaupun suami berasal dari kawasan atau kampung yang sama. Suami akan balik ke rumah ibunya sekali sekala.

3.7 Bentuk Hubungan Ahli Masyarakat

Daripada huraian di atas nyata bahawa unit-unit kelompok kekeluargaan dan anggota-anggota masyarakat adat berkaitan antara satu sama lain melalui tiga cara iaitu kelahiran, anak angkat dan perkahwinan atau semenda menyemenda. Ketiga-tiga jenis kaitan ini telah menjelmakan empat jenis hubungan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1992:22-23):

- (i) hubungan sesuku sewaris,
- (ii) hubungan sesuku lain waris,
- (iii) hubungan lain suku sewaris,
- (iv) hubungan lain suku lain waris.

3.8 Penceraian Dan Pembahagian Harta

Dalam masyarakat Adat Perpatih, apabila berlaku penceraian (cerai hidup atau mati), semua harta pasangan ini dapat dikumpulkan kepada tiga jenis harta carian, harta dapatan dan harta pembawaan. Sistem pewarisan harta-harta ini telah ditetapkan oleh hukum adat berdasarkan kata-kata perbilangan:

Carian bahagi,
dapatan tinggal,
bawaan kembali.

3.9 Struktur Dan Organisasi Politik Adat

Struktur dan organisasi politik Adat Perpatih dilihat dari perbilangan:

Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku berlembaga,
anak buah berbuapak.

Masyarakat adat mempunyai jawatan-jawatan tertentu yang kebanyakannya membawa gelaran tersendiri. Jawatan tersebut ialah kadim (ketua rumpun), Besar (ketua ruang), Buapak (ketua perut) dan Lembaga (ketua suku). Setiap ketua ini berkuasa, berperanan dan bertanggungjawab dalam kelompok kekeluargaan masing-masing. Ketua-ketua yang baru disebut telah pun dihurai di bahagian awal, melainkan dua pemimpin lagi iaitu Undang/Penghulu dan Yang diPertuan Besar.

3.9.1 Undang Dan Penghulu

Undang atau Penghulu duduk di puncak hierarki politik dan kepimpinan adat. Beliau adalah "raja" dalam luaknya. Sebagai raja, dia sering dianggap sebagai berdaulat oleh rakyat luaknya. Dalam luaknya, Undang atau Penghulu berkuasa penuh. Walau bagaimanapun sebelum membuat sesuatu keputusan atau menjalankan hukuman, dia harus mendapat nasihat dari Majlis Lembaganya Lembaga Tiang Balai. Oleh sebab kedudukannya yang demikian, pada teorinya Undang atau Penghulu Luak disebut sebagai tidak mempunyai anak buah. Dia hanya mempunyai Luak atau negeri untuk ditadbirkan.

Perlantikan menyandang pusaka Undang dan Penghulu dicalonkan daripada suku waris suku Biduanda. Ada juga luak yang Penghulunya tidak daripada suku Biduanda. Dalam pemilihan calon Undang dan Penghulu ini, setiap Luak mempunyai variasi struktur dan organisasi politik yang tersendiri.

3.9.2 Yang Dipertuan Besar

Sebelum tahun 1898 jawatan ini dikenal sebagai Yamtuan. Kepada masyarakat Adat Perpatih, perkataan raja, terutama pada kala ia muncul dalam perbilangan, membawa konsep yang sangat berbeza apabila dibandingkan dengan istilah raja yang digunakan dalam negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung. Pada bentuk idealnya, perkataan raja itu bermaksud hakim atau perantara. Oleh sebab ini yang menjadi fungsi raja, Yamtuan tidak pernah diberikan sebarang kuasa eksekutif politik, bukan sahaja dalam hal-hal luar negeri, tetapi juga hal-hal dalam negeri yang berkaitan dengan luak-luak lain selain daripada Seri Menanti, di mana beliau tinggal.

Sejak Negeri Sembilan mempunyai Yamtuan, iaitu pada sekitar tahun 1720-an hingga tahun 1832 (28) setiap calon Yamtuan adalah didatangkan dari Pagarruyung Minangkabau oleh Penghulu atau Undang luak-luak Negeri Sembilan. Namun selepas pertengahan abad ke-19 Yamtuan telah dilantik oleh Undang Yang Empat dari salah seorang anak raja tempatan.

3.10 Pemecatan Pemimpin Politik Adat

Kesemua jawatan pusaka adat, daripada Kadim (ketua rumpun) sehingga Yamtuan (ketua Alam Negeri Sembilan) adalah untuk seumur hidup; namun dia boleh dipecat. Pemecatannya hanya boleh dilakukan oleh pihak atau badan pelantiknya. Misalnya kadim dipecat oleh kebulatan anak buah, Lembaga kebulatan Buapak, Undang kebulatan Lembaga dan Yamtuan kebulatan Undang. Pemecatan berlaku selalunya disebabkan oleh pemimpin-pemimpin berkenaan melanggar hukum peraturan adat yang telah ditentukan, termasuk kecacatan peribadi.

4.0 PENUTUP

Daripada huraian di atas nyatalah Adat Perpatih di

Negeri Sembilan adalah wujud atas dua dasar utama, iaitu kekeluargaan atau kekerabatan dan tanah. Tiap-tiap satu faktor itu adalah pelengkap pada yang lain. Dengan kata-kata lain, masyarakat Adat Perpatih adalah satu masyarakat tani yang sangat kukuh dengan ikatan kerjasama kekeluargaan.

Pada peringkat struktur sosial, Adat Perpatih melibatkan satu susunan perhubungan dan proses-proses sosial dan ekonomi yang menjadi ciri kepada banyak masyarakat nasab ibu di dunia ini. Ciri-ciri ini termasuk keahlian dalam kelompok keturunan, tempat tinggal matrilokal (lelaki tinggal di kawasan keluarga isteri selepas perkahwinan) dan justru itu kehidupan yang lebih rapat kepada keluarga-keluarga luas dan rumahtangga bercorak nasab ibu; pemilikan tanah dan rumah yang berdasarkan kelompok kekeluargaan, dengan hak pewarisan (ompokan) melalui perempuan daripada ibu kepada anak perempuan; pola-pola kerjasama ekonomi dan sosial di kalangan ahli-ahli keluarga luas dan lebih jauh lagi : kelompok-kelompok kekeluargaan yang lebih luas berkongsi kerja, sumber-sumber, tanggungjawab atas anak-anak dan sebagainya; dan pembahagian kekuasaan politik yang berdasarkan struktur kekeluargaan nasab ibu (Norhalim Hj. Ibrahim, 1992:2-3)

Adat Perpatih juga adalah satu sistem yang kompleks dan konsep atau ideologi yang disedari secara jelas, suatu pandangan hidup (worldview) yang memandu pengeliban dan/atau persepsi serta pilihan ahli-ahlinya. Sebagai suatu sistem konseptual, dalam sistem Adat Perpatih termasuk peraturan-peraturan tertentu (kadang kala wujud dalam bentuk preskripsi legal sebenar) yang menggambarkan dan menghasilkan pelakuan-pelakuan yang dinyatakan di atas mengenai di mana harus tinggal, siapa yang berhak atas harta, siapa yang bertanggungjawab atas anak-anak, dan sebagainya serta juga nilai-nilai dan tema-tema umum yang dilahirkan melalui bahasa harian dan dalam formula upacara-upacara tertentu. Justru itu, pada peringkat ideologi, Adat Perpatih melibatkan suatu bentuk falsafah semulajadi dan sosial serta suatu set anggapan kepercayaan mengenai alam dan hubungan manusia dengannya. Kedua-dua komponen ini berkecenderungan untuk mengukuhkan antara satu dengan yang lain dan tiap-tiap satunya berurusan dengan banyak tema.

Tema-tema tersebut dapat dikelompokkan kepada empat bentuk iaitu:-

- (a) kekeluargaan nasab ibu yang menjadi pusat organisasi masyarakat dan kehidupan ahli-ahlinya.
- (b) penekanan kepada norma penyertaan secara bersama dan komunal,
- (c) pengiktirafan perbezaan pangkat tetapi bukan hak untuk penguasaan ke atas orang-orang tertentu, aktiviti-aktiviti atau kehidupan orang lain; dan dengan itu mempunyai rasa azam diri yang kuat.
- (d) pengiktirafan hak-hak wanita dan kekuatannya, kecekapan dan menjadi pusat kepada keberfungsian keluarga, kelompok kekeluargaan dan masyarakat seluruhnya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993a:5a)

Dari huraian di atas, Adat Perpatih ini adalah menepati definisi budaya (29) yang dikemukakan oleh Taylor (1871:1). Selanjutnya, Adat Perpatih itu, melalui interaksi dialektikal nilai-nilai yang disebutkan dan diadunkan pula dengan pengalaman sebenar ahli-ahlinya dalam bidang-bidang ekonomi, sosial, perhubungan politik dan perundangan, yang membolehkan kita mencirikannya sebagai suatu sistem masyarakat komunal, agak egalitarian dan demokratik, dapat dianggap suatu tamadun tersendiri (Norhalim Hj. Ibrahim, 1992:37)

Pengakhir kata masyarakat adat ini dengan direstui oleh adat itu sendiri adalah masyarakat dan adat yang dinamik. Ianya tidak statik dan sentiasa terbuka kepada perubahan asalkan ada permuafakatan mengenainya. Justru itu hari ini, adat dan masyarakat Adat Perpatih, seperti juga tamadun besar di dunia ini telah, melalui masa dan persekitaran, berubah mengikut kehendak zaman. Dan perubahan serta pengubahsuaian akan terus berlaku. Kata adat:

**Usang-usang diperbaharui,
lapuk-lapuk dikajangi;
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang;
Kalau singkat minta sambung,
Kalau panjang minta kerat;
Kalau koyak minta tampal;
Alah adat dek muafakat.**

Notakaki

(1) Kampung Lukut adalah sebuah kampung yang diteroka oleh orang Negeri Sembilan, khususnya dari Kampung Jimah yang terletak dalam Luak Sungai Ujung pada sekitaran tahun 1890.

(2) Perkataan Takuih (takus) adalah kacukkan daripada perkataan takut yang pada setengah sarjana adalah menggambarkan keadaan masyarakat pada era itu, itu sentiasa dalam ketakutan. Muara Takuih terletak di tebing kiri di ulu Sungai Kampar Kanan dalam Luak Limapuluh Koto, iaitu salah satu daripada Luak Nan Tigo (luak asal) Minangkabau. Tempat ini mungkin telah menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan yang makmur pada zaman pemerintahan Raja Becau iaitu keturunan Puteri Seri Dunia. Moen (1937:460,476) berpendapat Muara Takuih pernah menjadi pusat pemerintahan raja Jayanasa, iaitu raja yang mendirikan batu bersurat di Talang Tua (Tuwa) dalam tahun masihi 648, yang antara lain mengingatkan bahawa sesiapa dari rakyatnya yang tidak taat setia kepadanya akan melakukan tindakan belot terhadapnya akan terbunuh kena sumpah (seperti dikutip oleh Norhalim Hj. Ibrahim, 1983: 36-37)

(3) Lihat keterangan lanjut dalam Sjafiroeddin, 1974:38-43

(4) Tambo bererti hikayat, kisah, riwayat dahulu kala (Thaib, 1935:236)

(5) Kata Undang-undang kalimat Undang-undang Nan Tigo bukan bermakna 'law' sebagaimana yang kita fahami hari ini,

tetapi hanya suatu gambaran keadaan (hidup) dalam negeri berdasarkan cerita tambo. Sebagaimana namanya undang-undang ini terbahagi kepada tiga jenis:

- (i) Undang-undang Si Mumbang Jatuh
- (ii) Undang-undang Si Gamak-gamak
- (iii) Undang-undang Si Iamo-lamo

Pada prinsipnya, ketiga-tiga undang-undang ini adalah mengikut sistem di mana orang boleh melakukan apa sahaja yang dikehendakinya. Dalam keadaan begini, yang kuat akan menang, yang dahulu akan dapat; dan sekiranya timbul sebarang masalah dan/atau persoalan dalam amalan sedemikian itu raja yang akan menyelesaikan atas dasar kuasa mutlak yang dimilikinya. Jadi keadaan masyarakat di Minangkabau pada era ini adalah sentiasa dalam ketakutan dan dipenuhi dengan rasa tidak selamat, baik nyawa atau harta benda. Untuk mengubah dan mengingatkan keadaan hidup ini salah satu tempat yang menjadi pusat kekuasaan pada masa itu telah dinamakan Muaro Takuih. (lihat notakaki 2 di atas). Untuk keterangan lanjut mengenai Undang-Undang Nan Tigo ini lihat Bahar 1966b:10-11; Rasjid Manggis, 1971:23, Norhalim Hj. Ibrahim, 1983:36-40, 1993:21-26.

(7) Undang-undang Tariék Balieh ini mengikut prinsip, setiap kesalahan harus mendapat balasan yang setimpal. Misalnya orang yang membunuh harus dihukum mati, atau jika seseorang itu telah memalukan orang dia harus dihukum sehingga mendapat malu. Untuk keterangan lanjut lihat Bahar, 1966:14, Batoeh Sanggo, 1966:24; Norhalim Hj. Ibrahim 1983:40-41, 1993:26-28.

(8) Keterangan hidup rakyat jelata yang tertekan dan terancam serta tertindas ini bukan sahaja berlaku di Minangkabau pada zaman tersebut, tetapi juga di tempat-tempat lain di Sumatera. Ancaman seperti ini ada tercatat pada batu-batu bersurat di Talang Tuo dan Kota Kapur (686 TM).

(9) Untuk kisah pembukaan Tumasik lihat buku Sejarah Melayu (1954:32-33) iaitu bahagian akhir 'cetera ketiga'

(10) Mengikut tambo Minangkabau orang pertama diketahui dan dirakamkan (oleh tambo) pergi merantau iaitu Sutan Balun (Datuk Perpatih Nan Sebatang). Beliau merantau akibat konflik antaranya dirinya dengan abang tirinya Sutan Maharajo Basa (Datuk Ketumanggungan). Punca konflik ini adalah mengenai pengalaman aturan Undang-undang Tariék Balieh. Untuk mengelakkan konflik berlanjutan, Sutan Balun mengambil keputusan untuk meninggalkan negara dan mengambara, atau dengan kata lain Sutan Balun telah 'lari'. Justru itu konsep pelarian di sini adalah sejajar dengan pelakuan Sutan Balun yang 'keluar mengembara mencari pengalaman dan pengetahuan'. (Darwis, 1965:79; Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:31-32). Malahan sebab Sutan Balun 'lari' itu adalah persamaan dengan sebab rakyat ramai lari.

(11) Perantau dari golongan inilah yang memperkenalkan sistem pertanian bersawah padi di Rembau dan Naning seterusnya wilayah-wilayah lain di Negeri Sembilan (Chung Siok Hwa, 1967:130)

(12) Adat Tuah Disakato adalah cara hidup yang berdasarkan musyawarah untuk muafakat. Adat ini adalah susunan Sutan Balun atau Datuk Perpatih Nan Sebatang. Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah salah satu versi dari adat ini. (Untuk keterangan lanjut lihat Norhalim Hj. Ibrahim 1993:36-46) Versi lain adat ini terdapat di Siak, di Kuantan, Kampar, Indragiri dan rantau-rantau Minangkabau yang lain.

(13) Pantun tersebut berbunyi:

Ke rantau madang di hulu,
Babua babungo daun;
Merantau bujang dahulu,
Di rumah baguno balun.

Pantun ini adalah bermotif pengalak pergi merantau, rangkap ini sering ditambah seuntai lagi pantun yang bermotif kompetitif yang berbunyi:

Apo guna kerbau bertali,
Usah dipauik di pamatang,
Pauikkan sajo di tengah padang;
Apo gunonyo badan mencari,
Iyo pemegang sawah yo ladang,
Nan membelo sanak kandueng.

(14) Newbold telah mencatatkan intipati tradisi lisan tersebut dalam penulisannya (1824:256; 1839:77-78). Besar kemungkinan tradisi lisan ini diperolehinya dari Naning kerana ada persamaan dengan tradisi lisan yang digunakan oleh Shahba dalam menulis buku Sejarah Naning (1951).

(15) Perabu adalah nama asal Rembau sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau. Nama ini kemudian mungkin pada sekitar akhir abad ke-14 dan awal 15 bertukar menjadi Merbau Tua (Batang) dan akhirnya dalam abad ke-16 menjadi Rembau.

(16) Tahun hijrah 773 ini jikalau menggunakan formula yang dikemukakan oleh Phillips (1951) adalah bersamaan dengan tahun 1371 Masihi.

(17) Pada hakikatnya buku Abas (1953) adalah terjemahan dan pengubahsuaian dari buku atau rencana Parr dan Mackray (1910) Abas dalam buku berkenaan, menyatakan bahawa tarikh ini (1338) adalah bersamaan dengan tahun 773 Hijrah (lihat notakaki 17 di atas); dan penterjemahan mengenai tahun Hijrah ke Masihi adalah didasarkannya (Abas dari pendapat Newbold (1839:77). Oleh sebab Newbold tidak memberi persamaannya dengan tahun masihi dapatlah kita mengandai-kan bahawa tahun 1338 ini adalah tafsiran Abas sendiri, atau mengikut atau meniru tafsiran Abdullah Hj. Dahlan (1929:3). Penulisan atau terjemahan Abdullah mungkin telah dijadikan panduan oleh Abas untuk menulis sebahagian 'Pendahuluan' bukunya. Abdullah Hj. Dahlan, Undang Luak Rembau (1922-1938) telah menterjemahkan karya Parr dan Mackray (1910) pada sekitar tahun 1920-an dan menerbitkan secara bersiri dalam majalah Tetuan Muda.

(18) Nagari bermaksud permukiman atau wilayah yang telah mempunyai adat kelengkapan pemerintahan yang sempurna. Wilayah tersebut harus didiami oleh penduduk sekurang-kurangnya terdiri dari empat suku dengan seorang penghulu selaku pemerintah tertinggi. (Navis, 1984:94) Untuk keterangan lanjut mengenai proses pembentukan sebuah nagari di Minangkabau lihat Westerneck, 1915; Batoeh Sanggo, Datoek, 1966; Sanggoeno Diradjo, 1919; dan juga Kati, 1978:75-78.

(19) Pengiktirafan rasmi Rembau sebagai pusat pentadbiran Negeri Sembilan dapat dilihat dalam perjanjian persahabatan antara kerajaan Remabu dan Negerinya Yang Sembilan. Dengan kerajaan Belanda, yang ditandatangani pada tahun 1646 (Newbold 1834:256). Penggunaan istilah "Rembau dan Negeri Sembilan" (Rembau and its nine states), antaranya yang ditandatangani pada 1 Januari 1758 dan 11 November 1759 (Winstedt, 1934:56-57, Khoo Kay Kim, 1990:6-8).

(20) Sebelum terpilihnya Raja Melewar menjadi Yamtuan Besar, Rembau sebagai sebuah kerajaan sudahpun berpe- mimpin, bergelar Penghulu (sekarang dikenali sebagai Un- dang) sejak tahun 1540. Pada masa perlantikan Raja Melewar sebagai yang Dipertuan Besar (Yamtuan Besar) Rembau dipe- rintah oleh Datuk Sedia Raja Kurap Undang ke-7 atau Datuk Sedia Raja Sabat (Subok) Undang ke-8.

(21) Tiada pengecualian ini termaktub dalam aturan adat yang berbunyi:

Nan jauh di jemput,
nan dekat dikampungkan,
hilang bercari,
cicir berpungut.

(22) Berkait dengan ini adat mengaturkan:

Kelebihan Nabi dengan makjizatnya,
kelebihan umat dengan muafakat.
Bulat air kerana pembentung,
bulat manusia kerana muafakat.
Penghulu beraja kepada muafakat,
muafakat beraja kepada kebenaran.

(23) Antara contoh hasil kebulatan:

Bulat anak buah membuat/memecat Buapak,
Bulat Buapak membuat/memecat Lembaga,
Bulat Lembaga membuat/memecat Undang.

(24) Antara lain ialah:

Segayung seperigian,
seperigi sepermandian,
sejaamban seperulangan,
sehalaman sepermainan,
muafakat tidak bertukar,
rahsia tidak berubah.

(25) Pengelompokan rumpun ini, kalau melihat dari kajian yang dijalankan tidak wujud di Jempol (Kahar Bador, 1963), di Gadek, Naning (Zainal Keling, 1969) di Inas (Lwis, 1962) dan di Jebebu (Swift, 1965).

(26) Di Naning khususnya di Pagoh, ruang di sebut jurai (Abu Hassan Jaalam, 1957:26)

(27) Ketua Jurai (Ruang) di Pagoh dipanggil Tua (Abu Hassan Jaalam, 1975:28).

(28) Raja yang terakhir dijemput adalah Raja labu iaitu selepas kematian Yamtuan Besar Lenggang Laut pada tahun 1824. Tetapi Raja Labu dicabar oleh putra-putra tempatan dan akhirnya pada tahun 1832 terpaksa balik ke Pagarruyung.

(29) Budaya atau culture mengikut Taylor adalah: "that complex whole which includes knowledge, beliefs, art, morals, laws, customs and any other capabilities and habits acquired by men as member of society.

BIBIOGRAFI

Abas Hj. Ali, 1953 Rembau sebuah daripada Luak-Luak Yang Sembilan: Rembau : Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu.

Abdullah Hj. Dahan, 1975 'Rembau Sebuah Daripada Luak-Luak Yang Sembilan' dalam Tetuan Muda, Rembau

Abu Hassan Jaalam, 1975, ' Organisasi Dalam Perut' Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Baharom Azhar Raffei, 1984, 'Perhubungan Inter Etnik Dalam Masyarakat Adat' kertas kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih, Serdang: Universiti Pertanian Malaysia

Batoeh Sanggo, datoek, 1966, Tambo Alam Minangkabau, Pajakumbuh: Pertjetakan Limbago.

Chatterji, B.R., 1967, History Of Indonesia, early And Medieval Calcutta, Meerut: Meenakshi Prakashan

Chung Siok Hwa, 1969 'The Rice Industry Of Malaya: A Historical Survey, Journal Of Malaysian Branch Royal Asiatic Society, 42(2):130-144

Coedes, G, 1968 The Indianized States Of Southeast Asia, New York: McGraw-Hill Book Co.

Darwis, Thaib, Dr. Sidai Bandaro, 1965, Selok Belok Adat Minangkabau Bukittinggi: N.V. Suntara

Favre, P.E.L., 1848, 'An Account Of The Wild Tribes Inhabiting The Malayan Peninsula', Journal Of Indian Archipelago And East Asia, 2: 237-282

Hall D.G.E, 1971, Sejarah Asia Tenggara, K. Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Hervey, D.F.A. 1884, 'Rembau', Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society, 13:241-258.

Josselin de Jong, P.E.de, 1951 Minangkabau and Negeri Sembilan The Hague: Martinus Nijhoff

Kahar Bador, A.,1963 'Kinship and Marriage Among The Negeri Sembilan Malays', tesis M.A. London, Universiti Of London.

Kato, T,1982, Matriliny and migration, Ithaca: Cornell University Press.

Khoo Kay Kim,1990, 'Negeri Sembilan: sejarah Awal dan Sistem Politiknya' dlm. Norazit Selat (ed>), Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang, K. Lumpur: Muzium Negara.

Lewis, K.D., 1960, 'Inas: A Study of Local History', Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society 33 (1)

1962 'The Minangkabau Malays in Negeri Sembilan, tesis Ph. D., Cornell: Cronell University.

Loeb, E.M, 1935, 'Partilineal and Matrilineal Organization in Sumatra and Minangkabau' American Anthropologist 36

Marsden, W., 1811, The History Of Sumatra, London: J.M. Murray, Cetak semula, K. Lumpur: Oxford University Press.

Mansoer, M.D. dll. 1970 Sejarah Minangkabau, di Jakarta Bharrata

Mochtar Naim, 1979, Merantau Pola Migrasi Suku Mingkabau Yogyakarta; Gadjah mada University Press

Navis, A.A., 1984, Alam Berkembang Jadi Guru Jakarta: pen-erbitan Grafiti Press.

Moens, L.J. 1937, 'Les inscriptions Malaises, de Crivijaya', Bulletin de l'Encole Francaise d'Extreme - Orient, 30(102): 39-44

Newbold T.J. 1834, "Sketch of the Four Menang cabowe.

SIAPA MENCIPTA BENDERA NEGERI SEMBILAN

(Oleh: Tan Sri A. Samad Idris)

Boleh dikatakan banyak ahli-ahli sejarah dan pemimpinnya tidak atau belum mengetahui akan asal-usul bendera bagi sesebuah negeri, seumpama bila ia diumumkan, dimana warna setiap bendera itu diilham-ciPTa serta makna tiap warnanya kerana itu sudah dianggap hal-hal yang ajaib dan tidak perlu diketahui lebih dari itu kecuali bagi mereka yang berminat menyelidik.

Mungkin ramai di antara kita yang mengetahui akan makna bendera Malaysia kerana ia baru saja dicipta ketika Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan pada 1hb. Januari 1948, tetapi negeri-negeri lain banyak yang dicipta beratus-ratus tahun dahulu.

Maka begitulah pula halnya dengan bendera Negeri Sembilan yang berwajah tiga warna, iaitu kuning, merah dan hitam. Bila ia diciptakan dan siapa yang menciptanya, erti dan makna tiap-tiap satu warna dan dari mana asal-usul warna-warna itu, apakah ia lahir dari ilham setempat atau diambil dari negeri lain?

Bendera Negeri Sembilan yang sekarang ini bertameng, dan empat persegi di atas sudut sebelah hadapan warna merah melintang serong dari penjuru atas hingga ke bawah dan di bawahnya warna hitam. Warna-warna ini memberi makna, kuning, kedaulatan raja. Merah yang melintang serong di atas itu bererti kerajaan Inggeris yang menaungi dan warna hitam hak kebesaran Penghulu (Undang) dan anak-anak tuanya.

Tidak pula diketahui bila bendera ini dicipta, tetapi agak jelas boleh kita andaikan warna bendera ini telah dicipta setelah Inggeris campur tangan dalam pemerintahan Negeri Sembilan, di akhir kurun ke sembilan belas.

Berbalik kepada tiga warna bagi bendera Negeri Sembilan itu pada awalnya saya juga tidak mengambil kisah, tetapi setelah saya mula menulis dan menyelidiki hal-hal yang berkaitan dengan sejarah dan setelah saya berulang alik ke Minangkabau sejak awal tahun 1968, pada suatu ketika ada satu percakapan di daerah Minang, saya lihat banyak bendera yang berkibar yang berwarna kuning, merah dan hitam bersebelahan dengan bendera Nasional Indonesia merah putih. Di situ menampakkan satu tandatanya bagi saya sendiri apakah warna bendera Negeri Sembilan ini ada hubung kaitnya dengan bendera Negeri Sembilan? Lintasan fikiran saya waktu itu hanya sepiantas lalu hilang begitu saja.

Pada ketika yang lain saya telah bertanya kepada beberapa orang Datuk-Datuk dan orang-orang tua di Minangkabau. Mereka juga mengatakan warna itu memanglah warna bendera adat Minangkabau sejak beratus-ratus tahun yang lalu.

Di Negeri Sembilan juga telah merisik dan bertanya dengan orang tua-tua di Minangkabau. Mereka juga mengatakan warna itu memanglah warna bendera adat Minangkabau sejak beratus-ratus tahun yang lalu.

Bila saya berusaha untuk menulis buku ini saya berkesempatan berhubung dengan Datuk Lubuk, seorang pegawai dari kantur Governor Sumatera Barat. Beliau menjelaskan mengenainya seperti yang ditulis di bawah ini. Begitu pun timbul pula persoalan lain, iaitu siapa dan bilakah pula warna bendera ini dibawa ke Negeri Sembilan?

Pertanyaan ini tidak begitu sukar untuk dicari jawapannya kerana di antara rakyat Negeri Sembilan dengan Minangkabau mempunyai pertalian kekeluargaan sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Cuma yang menjadi persoalan bila dan siapa yang membawanya ke mari.

Seperti yang saya nyatakan di atas, bentuk bendera seperti yang kedapatan sekarang ini dengan makna dan maksudnya agak jelas digambarkan bahawa, bendera itu telah dicipta setelah Inggeris mencampuri pemerintahan Negeri Sembilan dan sebelumnya tentulah juga bendera ini telah dikibarkan tetapi bentuk dan letak warnanya tidak sama seperti yang kita lihat sekarang ini.

Untuk pengetahuan pembaca sekalian di bawah ini saya turunkan sepenuhnya mengenai dengan bendera Negeri Sembilan seperti yang tercatat dalam buku 'TAKHTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN' yang diterbitkan pada tahun 1968.

BENDERA NEGERI SEMBILAN

Tidak ada tercatat di mana-mana juga buku-buku yang ditulis mengenai sejarah Negeri Sembilan atau dalam fail-fail simpanan Jabatan Kerajaan yang berhubungkait dengan bendera Negeri Sembilan. Apa yang dapat dikesan hanyalah kemungkinan saja.

Dalam fail di Pejabat Setiausaha Kerajaan di Seremban, bilangan 490/53 didapati hanya kemungkinan bendera Negeri Sembilan itu telah direka dan dicipta serta dipakai penggunaannya pada tahun 1895. Kemungkinan ini adalah berdasarkan penyatuan semula Negeri Sembilan dan campurtangan Kerajaan British secara langsung dalam pentadbiran Negeri.

Pada tahun 1895 ini, satu perjanjian telah dibuat di antara Datuk-Datuk Undang Yang Empat di satu pihak dengan Yamtuan Muhammad di satu pihak yang lain. Datuk-Datuk Undang Yang Empat pada tahun ini telah mengakui semula bahawa Yamtuan Muhammad kembali diiktiraf menjadi Yang Dipertuan Negeri Sembilan dan pada ketika itu juga Yang Dipertuan Muhammad serta Datuk-Datuk Undang Yang Empat bersetuju menerima seorang Inggeris menjadi Residen Negeri Sembilan sebagai Penasihat.

Adalah diagakkan pada tahun inilah bendera Negeri Sembilan itu mula diadakan kerana dari warna-warna yang tersebut dalam bendera itu adalah melambangkan kedaulatan satu-satu pihak.

"Warna merah memberi erti Kerajaan Inggeris menaungi Negeri Sembilan, kerana itu warna merah ini diletakkan di sudut sebelah atas. Warna hitam memberi erti Kebesaran Datuk-Datuk Undang yang mempunyai negeri. Warna Kuning melambangkan Raja".

Setelah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan pada 31 Ogos 1957, maka timbullah soal warna merah dalam bendera Negeri Sembilan itu. Oleh kerana warna merah itu melambangkan kekuasaan dan kedaulatan Inggeris, maka tidaklah wajar warna itu diertikan kekuasaan Inggeris lagi setelah negara mencapai kemerdekaan.

Secara kebetulan saja, sebagai penyusun buku ini, saya telah mengemukakan satu cadangan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan sebagai seorang aggotanya supaya makna atau pengertian warna merah itu ditukar kepada maksud dan makna yang lain.

Timbul juga perbincangan dalam mesyuarat itu, adalah baik warna merah itu dihapuskan terus dari warna bendera Negeri Sembilan? Oleh kerana bendera yang mempunyai tiga warna itu telah dikenal umum semenjak berpuluh-puluh tahun adalah tidak begitu baik jika warna merah itu terus dihapuskan. Kenapa itu, maka warna merah itu pun dipersetujui supaya maknanya ditukar kepada makna atau pengertian yang lain.

"Saya terus mengusulkan supaya warna merah itu ditukarkan maknanya kepada 'rakyat', kerana rakyat telah diberi hak menurut perlembagaan secara langsung mentadbirkan negeri melalui pilihanraya".

Usul ini telah diterima baik oleh Duli Yang Maha Mulia dan Datuk Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin dalam satu mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang pada 29hb. Disember, 1960.

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PERPUSTAKAAN BERGERAK

(Oleh: Siti Adnon A. Wahid)

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak PPANS, telah dimulakan sejak tahun 1980. PPANS telah menyediakan 5 unit perpustakaan bergerak dengan memberi perkhidmatan kepada 99 tempat perhentian.

Kerajaan N. Sembilan DK mengadakan perpustakaan bergerak untuk menggalakkan orang ramai supaya gemar membaca disamping menambahkan ilmu pengetahuan. Sebelum ini, perpustakaan hanya terdapat di bandar-bandar sahaja. Dengan adanya perpustakaan bergerak ini, orang ramai terutamanya di kawasan pendalaman dan pekan-pekan kecil akan dapat menikmati peluang dan kemudahan pembacaan.

Sehingga tahun 1992, keahlian keseluruhan perpustakaan bergerak ialah seramai 21,766 orang. Jumlah koleksi buku-buku pula ialah sebanyak 37,274 naskhah, manakala peminjaman buku-buku sepanjang tahun 1992 ialah sebanyak 10,8569 peminjaman.

Bas-bas perpustakaan bergerak ini adalah merupakan sumbangan dari Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan serta Syarikat ESSO Malaysia. Daya usaha yang ditunjukkan oleh ESSO yang menyumbangkan perpustakaan bergerak secara tak langsung telah memupuk semangat membaca di kalangan masyarakat luar bandar. Daya usaha ini memang patut mendapat pujian dan sanjungan masyarakat.

Dalam melaksanakan usaha itu, setakat ini ESSO telah menyumbangkan tiga buah bas perpustakaan bergerak dan pada hari ini 4hb. Oktober 1993 dilancarkan sebuah lagi bas sumbangan ESSO yang keempat. Semoga usaha murni ini akan diteruskan dalam apa jua bentuk sumbangan bagi membantu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan Darul Khusus.

Perbadanan merancang untuk menempatkan sekurang-kurangnya sebuah bas untuk setiap daerah di Negeri Sembilan.

Secara keseluruhannya perkhidmatan ini telah dapat memberikan kemudahan pembacaan kepada masyarakat dan telah meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat. Ini terbukti dengan sambutan yang menggalakkan dari orang ramai disamping menerima banyak permohonan baru bagi mendapatkan perkhidmatan ini.